



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 5

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

Sebagaimana pada 1 Disember 2016

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

Pertama kali diperbuat	...	...	...	1954 (Ordinan No. 9 tahun 1954)
Disemak	...	...	...	1969 (Akta 5 m.b.p. 12 April 1969)
Teks bahasa kebangsaan ialah teks sahih	...	...	...	P.U. (B) 197/1994

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	...	1971
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	...	1982
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	...	...	...	...	1988
<i>Cetakan Semula Yang Keempat</i>	...	...	...	...	1990
<i>Cetakan Semula Yang Kelima</i>	...	...	...	...	1992
<i>Cetakan Semula Yang Keenam</i>	...	...	...	...	1994
<i>Cetakan Semula Yang Ketujuh</i>	...	...	...	...	1999
<i>Cetakan Semula Yang Kelapan</i>	...	...	...	...	2004
<i>Cetakan Semula Yang Kesembilan</i>	...	...	...	...	2006
<i>Cetakan Semula Yang Kesepuluh</i>	...	...	...	...	2007

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 5

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN DAN PENTAFSIRAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KESALAHAN PILIHAN RAYA

3. Kesalahan oleh mana-mana orang
4. Kesalahan oleh pegawai pilihan raya
- 4A. Kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan
5. Memelihara kerahsiaan dalam pilihan raya
6. Kesalahan terhadap Bahagian ini

BAHAGIAN III

PERBUATAN RASUAH

7. Penyamaran
8. Penjamuan
9. Pengaruh tidak wajar
10. Penyogokan
11. Hukuman dan ketidakupayaan kerana perbuatan rasuah

BAHAGIAN IV

EJEN PILIHAN RAYA, BELANJA PILIHAN RAYA
DAN PERBUATAN YANG MENYALAH
UNDANG-UNDANG

Seksyen

12. Penamaan ejen pilihan raya
13. Hilang kelayakan untuk dilantik sebagai ejen pilihan raya, dsb.
14. Membuat pelantikan dan kontrak melalui ejen pilihan raya
15. Pembayaran belanja melalui ejen pilihan raya
- 15A. Larangan mengenai belanja tertentu semasa tempoh berkempen
16. Tempoh bagi menghantar tuntutan dan membuat pembayaran bagi belanja pilihan raya
17. Saraan ejen pilihan raya
18. (*Dipotong*)
19. Belanja yang lebih daripada maksimum ialah perbuatan yang menyalahi undang-undang
20. Belanja tertentu ialah perbuatan yang menyalahi undang-undang
21. Pengambilan kerja tertentu menyalahi undang-undang
22. Kecualian bagi pemiutang
- 22A. Pengecualian daripada duti setem
23. Penyata dan akuan berkenaan dengan belanja pilihan raya
24. Penyiaran penyerahan penyata, dsb.
- 24A. Batasan diayah politik pada hari penamaan
- 24B. Kempen pilihan raya dan batasan mengenainya
25. Majikan hendaklah membenarkan tempoh yang munasabah bagi pekerja mengundi
26. Batasan pada hari mengundi
- 26A. Barung hendaklah diadakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya
- 26B. (*Dipotong*)
27. Hukuman bagi sabitan kerana perbuatan yang menyalahi undang-undang

BAHAGIAN IVA

PASUKAN PENGUAT KUASA

- 27A. Tafsiran berhubung dengan Bahagian ini
- 27B. Penubuhan pasukan penguat kuasa

Seksyen

- 27C. Keanggotaan pasukan penguat kuasa
- 27D. Kawasan kawalan pasukan penguat kuasa
- 27E. Fungsi pasukan penguat kuasa
- 27F. Pelantikan wakil parti politik
- 27G. Keputusan pasukan penguat kuasa
- 27H. Aduan kepada pegawai pengurus

BAHAGIAN V

MAAF KERANA PERBUATAN RASUAH ATAU
PERBUATAN YANG MENYALAH
UNDANG-UNDANG

- 28. Laporan yang membebaskan calon dalam perbuatan rasuah dan perbuatan yang menyalahi undang-undang tertentu yang dilakukan oleh ejen
- 29. Kuasa bagi mengecualikan perbuatan tidak salah daripada menjadi perbuatan yang menyalahi undang-undang, dsb.
- 30. Maaf yang dibenarkan kerana tidak mematuhi peruntukan tentang penyata dan akuan berkenaan dengan belanja pilihan raya
- 30A. Tempoh pembuatan permohonan untuk mendapatkan maaf

BAHAGIAN VI

ALASAN BAGI MEMBATALKAN PEMILIHAN

- 31. Pembatalan oleh sebab sabitan calon
- 32. Pembatalan pemilihan atas petisyen pilihan raya

BAHAGIAN VII

PETISYEN PILIHAN RAYA

- 33. Pelantikan dan kuasa Hakim Pilihan Raya
- 34. Siapakah yang boleh mengemukakan petisyen
- 35. Relief yang boleh dituntut
- 35A. Masa untuk menyelesaikan perbicaraan petisyen pilihan raya
- 36. Keputusan Hakim Pilihan Raya
- 36A. Rayuan
- 36B. Masa untuk menyelesaikan pendengaran rayuan

Seksyen

- 36c. Kesan keputusan Hakim Pilihan Raya atau Mahkamah Persekutuan
- 37. Laporan Hakim atau Pendaftar tentang perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang
- 38. Masa untuk pengemukaan
- 39. Larangan mengenai pendedahan undi
- 40. Undi hendaklah dipotong dalam suatu tafahus
- 41. Penolakan kertas undi oleh pegawai pengurus atau ketua tempat mengundi muktamad
- 42. Tatacara dan amalan mengenai petisyen pilihan raya

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 5

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

Suatu Akta bagi mencegah kesalahan pilihan raya dan perbuatan rasuah dan perbuatan yang menyalahi undang-undang dalam pilihan raya; bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan pasukan penguat kuasa dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya; bagi membuat peruntukan mengenai pelantikan ejen pilihan raya dan bagi mengawal belanja pilihan raya; dan bagi membuat peruntukan mengenai petisyen pilihan raya.

[*Semenanjung Malaysia, *Wilayah Persekutuan
Putrajaya—30 April 1954;*
*†Sabah, **Wilayah Persekutuan Labuan*
—1 Ogos 1965, P.U. 176/1966;
††Sarawak—1 November 1966, P.U. 227/1967]

BAHAGIAN I

PERMULAAN DAN PENTAFSIRAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

*CATATAN—lihat seksyen 6 Akta A1095.

**CATATAN—lihat seksyen 6 Akta A585.

†CATATAN—Untuk peluasan dan pengubahsuaian Akta ke Sabah, lihat P.U. 56/1966, P.U. 144/1966, P.U. 498/1966, P.U. 348/1967.

††CATATAN—Untuk peluasan dan pengubahsuaian Akta ke Sarawak, lihat P.U. 497/1966, P.U. 349/1967, P.U. 55/1968.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“bahagian pilihan raya” ertinya sesuatu kawasan yang ditetapkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud sesuatu pilihan raya;

“berhak” ertinya berhak menurut atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya;

“dibenarkan” ertinya dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya;

“ejen pilihan raya” ertinya orang yang dilantik di bawah seksyen 12 oleh seseorang calon untuk pilihan raya sebagai ejennya untuk pilihan raya itu;

“Hakim Pilihan Raya” ertinya Hakim Besar atau mana-mana Hakim yang dinamakan oleh Hakim Besar di bawah seksyen 33;

“hari mengundi”, berhubung dengan sesuatu pilihan raya, ertinya tempoh, yang mungkin berlanjutan selama satu hari atau lebih, yang bermula dari permulaan hari pemungutan undi dalam pilihan raya itu dijadualkan untuk dimulakan dan yang berakhir pada masa pengisytiharan keputusan pilihan raya itu oleh pegawai pengurus;

“pasukan penguat kuasa” ertinya pasukan penguat kuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 27B;

“pegawai pengurus” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*];

“pegawai yang hak” ertinya pegawai atau orang yang dilantik oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya untuk menjaga atau untuk menguruskan perjalanan pilihan raya itu;

“pilihan raya” ertinya sesuatu pilihan raya yang diadakan mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pemilihan orang sebagai ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri atau pihak berkuasa tempatan;

“tempoh berkempen”, berhubung dengan sesuatu pilihan raya, ertinya tempoh mana-mana calon atau ejen pilihan rayanya dibenarkan mengadakan kempen pilihan raya di dalam bahagian pilihan raya calon itu, iaitu tempoh yang bermula dari masa pegawai pengurus mengisytiharkan bahawa suatu pengundian akan dijalankan di dalam bahagian pilihan raya yang baginya dia dilantik dan berakhir apabila tamat hari sebelum hari mengundi.

(2) Apa-apa perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Akta ini, yang ertinya ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya, hendaklah mempunyai erti yang sama dalam Akta ini, bagi maksud dan berkenaan dengan pilihan raya itu, seperti yang dipunyainya dalam undang-undang bertulis yang tersebut itu; dan apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai mana-mana orang atau pegawai hendaklah, bagi maksud dan berkenaan dengan mana-mana pilihan raya, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai mana-mana orang atau pegawai yang setaraf yang dilantik di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya itu.

BAHAGIAN II

KESALAHAN PILIHAN RAYA

Kesalahan oleh mana-mana orang

3. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) dengan diketahuinya membuat apa-apa pernyataan palsu dalam atau berkaitan dengan apa-apa permohonan supaya dimasukkan ke dalam mana-mana daftar pemilih;
- (b) memalsukan atau secara fraud mencatatkan atau secara fraud memusnahkan mana-mana kertas penamaan, atau menyerahkan kepada seseorang pegawai pengurus mana-mana kertas penamaan dengan mengetahui bahawa kertas penamaan itu telah dipalsukan;
- (c) memalsukan atau melancung atau secara fraud mencatatkan atau secara fraud memusnahkan mana-mana kertas undi atau tanda rasmi pada mana-mana kertas undi;

- (d) tanpa kuasa yang sewajarnya membekalkan mana-mana kertas undi kepada mana-mana orang;
- (e) menjual atau menawarkan untuk menjual mana-mana kertas undi kepada mana-mana orang atau membeli atau menawarkan untuk membeli mana-mana kertas undi daripada mana-mana orang;
- (f) bukan orang yang berhak memiliki mana-mana kertas undi yang telah ditandakan dengan apa-apa tanda yang dibenarkan ada mana-mana kertas undi itu dalam miliknya;
- (g) memasukkan ke dalam mana-mana peti undi apa-apa jua, selain kertas undi yang dibenarkan oleh undang-undang untuk dimasukkan olehnya;
- (h) tanpa kuasa yang sewajarnya membawa keluar dari tempat mengundi mana-mana kertas undi atau didapati memiliki mana-mana kertas undi di luar sesuatu tempat mengundi;
- (i) tanpa kuasa yang sewajarnya memusnahkan, mengambil, membuka atau dengan cara lain mengganggu mana-mana peti undi, kertas undi atau bungkusan kertas undi yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi maksud sesuatu pilihan raya;
- (j) tanpa kuasa yang sewajarnya mencetak mana-mana kertas undi atau apa yang berupa atau yang boleh digunakan sebagai kertas undi dalam sesuatu pilihan raya;
- (k) bagi maksud sesuatu pilihan raya, membuat, membina, mengimport, memiliki, membekalkan atau menggunakan, atau menyebabkan supaya dibuat, dibina, diimport, dibekalkan atau digunakan, apa-apa perkakas, alat atau pesawat yang melaluinya sesuatu kertas undi boleh dicabut, dimudartakan atau dimanipulasikan selepas dimasukkan ke dalam suatu peti undi dalam masa mengundi dalam mana-mana pilihan raya;
- (l) mengundi dalam mana-mana pilihan raya sedangkan dia tidak berhak untuk mengundi dalam pilihan raya itu;

- (m) mencetak apa-apa iklan, surat sebaran, pelekat atau poster berkenaan dengan sesuatu pilihan raya dan yang mengandungi sesuatu salinan kertas undi, atau salinan apa yang berupa sebagai suatu kertas undi, untuk digunakan atau yang mungkin digunakan dalam pilihan raya itu;
- (n) menggalang atau menghalang seseorang pengundi yang selainnya berhak untuk mengundi daripada mengundi dalam sesuatu pilihan raya; atau
- (o) mengundi dalam sesuatu pilihan raya di lebih daripada satu tempat mengundi di dalam bahagian pilihan raya yang sama atau bahagian pilihan raya yang berlainan,

boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya dan, tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya, dia tidak boleh didaftarkan atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam mana-mana pilihan raya atau dipilih dalam mana-mana pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh itu dia telahpun dipilih dalam mana-mana pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan (m) boleh disifatkan melarang, semasa tempoh berkempen, pencetakan nama atau simbol seorang calon sahaja dalam mana-mana iklan, surat sebaran, pelekat atau poster itu berserta dengan salinan sesuatu tanda pangkah atau tanda lain yang menunjukkan persetujuan terhadap mana-mana nama atau simbol itu.

(2) Mana-mana orang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*], yang merupakan kesalahan oleh sebab perenggan 3(1)(f) Akta itu tidaklah boleh dipilih dalam mana-mana pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh sabitan itu dia telah pun dipilih dalam mana-mana pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh itu.

Kesalahan oleh pegawai pilihan raya

4. Mana-mana pegawai, kerani, jurubahasa atau orang lain yang mempunyai apa-apa tugas untuk dilakukan menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya yang —

- (a) membuat, dalam apa-apa rekod, penyata atau dokumen lain yang dikehendaki supaya disimpan atau dibuat olehnya di bawah undang-undang bertulis itu, apa-apa catatan yang diketahuinya atau yang dia ada sebab yang munasabah untuk percaya sebagai palsu, atau yang dia tidak percaya sebagai benar;
- (b) membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau yang dia ada sebab yang munasabah untuk percaya sebagai bukan seorang buta atau bukan seorang tidak berdaya untuk mengundi mengikut cara yang diperuntukkan bagi orang buta atau orang tidak berdaya, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) enggan membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau yang dia ada sebab yang munasabah untuk percaya sebagai seorang buta atau seorang tidak berdaya untuk mengundi mengikut cara yang diperuntukkan bagi orang buta atau orang tidak berdaya, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (d) dengan sengaja menghalang mana-mana orang daripada mengundi di tempat mengundi yang diketahuinya atau yang dia ada sebab yang munasabah untuk percaya bahawa orang itu berhak mengundi;
- (e) dengan sengaja menolak atau enggan mengira mana-mana kertas undi yang diketahuinya atau yang dia ada sebab yang munasabah untuk percaya telah dibuang dengan sah untuk mana-mana calon mengikut peruntukan undang-undang bertulis itu;
- (f) dengan sengaja mengira mana-mana kertas undi sebagai dibuang untuk mana-mana calon, yang diketahuinya atau yang dia ada sebab yang munasabah untuk percaya telah tidak dibuang dengan sah untuk calon itu; atau
- (g) tanpa sebab yang munasabah melakukan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar dengan tugas rasminya,

boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya dan, tertakluk kepada apa-apa peruntukan tertentu yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya, dia tidak boleh didaftarkan atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam mana-mana pilihan raya atau dipilih dalam mana-mana pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh itu dia telah pun dipilih dalam mana-mana pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu.

Kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan

4A. (1) Mana-mana orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan atau dengan kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan antara orang yang terdiri daripada kaum yang sama atau kaum yang berlainan atau daripada golongan yang sama atau golongan yang berlainan penduduk Malaysia untuk mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi dalam sesuatu pilihan raya atau untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa peruntukan tertentu yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya, mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini tidak boleh didaftarkan atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam sesuatu pilihan raya atau dipilih dalam sesuatu pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh itu dia telah pun dipilih dalam sesuatu pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu.

Memelihara kerahsiaan dalam pilihan raya

5. (1) Tiap-tiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen dan mana-mana orang lain (kemudian daripada ini disebut “orang yang dibenarkan” dalam seksyen ini) yang dibenarkan hadir dalam mana-mana urusan yang berkaitan dengan pengeluaran atau penerimaan kertas undi pos, atau di sesuatu tempat mengundi, atau pada masa pengiraan undi, hendaklah, sebelum hadir sedemikian, mengangkat sumpah kerahsiaan yang pada keseluruhannya mengikut Borang A dalam Jadual Pertama.

(2) Tiap-tiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen dan orang yang dibenarkan yang hadir di sesuatu tempat mengundi hendaklah memelihara, dan membantu dalam memelihara, kerahsiaan pengundian di tempat itu, dan tidak boleh menyampaikan, kecuali bagi sesuatu maksud yang dibenarkan oleh undang-undang, sebelum pengundian itu ditutup, apa-apa maklumat tentang nama atau nombor mana-mana pemilih dalam daftar pemilih yang telah atau belum memohon untuk mendapatkan suatu kertas undi atau yang telah atau belum mengundi di tempat itu, atau tentang tanda rasmi, kepada mana-mana orang tetapi jumlah bilangan pengundi yang telah mengundi di mana-mana tempat pada bila-bila masa sebelum pengundian ditutup boleh, menurut budi bicara ketua tempat mengundi, dizahirkan kepada seseorang calon atau ejennya atau seseorang pegawai polis yang dibenarkan hadir atau yang bertugas di tempat mengundi itu.

(3) Tiada pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen, pegawai polis atau orang yang dibenarkan itu dan tiada seorang jua pun boleh di tempat mengundi cuba mendapatkan maklumat tentang calon yang akan atau telah diundi oleh mana-mana pengundi di tempat itu, atau pada bila-bila masa menyampaikan apa-apa maklumat yang didapati di sesuatu tempat mengundi tentang calon yang akan atau telah diundi oleh mana-mana pengundi di tempat itu kepada mana-mana orang, atau tentang nombor kertas undi yang diberikan kepada mana-mana pengundi di tempat itu.

(4) Tiap-tiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen, pegawai polis dan orang yang dibenarkan, yang hadir pada masa pengiraan undi hendaklah memelihara, dan membantu dalam memelihara, kerahsiaan pengundian itu, dan tidak boleh cuba menyampaikan apa-apa maklumat yang didapati dalam pengiraan itu tentang calon yang baginya apa-apa undi telah diberikan oleh mana-mana kertas undi tertentu.

(5) Tiada seorang pun, kecuali ketua tempat mengundi yang bertindak bagi sesuatu maksud yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya atau seseorang yang dibenarkan oleh ketua tempat mengundi dan yang bertindak bagi maksud yang disebut terdahulu, boleh berhubung atau cuba berhubung dengan mana-mana pengundi selepas pengundi itu menerima suatu kertas undi dan sebelum dia memasukkannya ke dalam peti undi.

(6) Tiap-tiap orang yang menghadiri mana-mana urusan berkaitan dengan pengeluaran atau penerimaan kertas undi untuk orang yang mengundi melalui pos hendaklah memelihara, dan membantu dalam memelihara, kerahsiaan pengundian itu dan tidak boleh tanpa sebab yang sah—

- (a) menyampaikan apa-apa maklumat yang didapati dalam urusan itu tentang apa-apa pertindikan, cap atau tanda rasmi yang akan digunakan berkaitan dengan mana-mana kertas undi kepada mana-mana orang sebelum pengundian ditutup;
- (b) menyampaikan kepada mana-mana orang apa-apa maklumat yang didapati dalam urusan itu tentang nombor kertas undi yang dihantar kepada mana-mana orang pada bila-bila masa;
- (c) cuba menentukan dalam urusan berkaitan dengan penerimaan kertas undi nombor pada mana-mana kertas undi; atau
- (d) cuba menentukan dalam urusan berkaitan dengan penerimaan kertas undi calon yang baginya apa-apa undi telah diberikan dalam mana-mana kertas undi tertentu atau menyampaikan apa-apa maklumat berkenaan dengannya yang didapati dalam urusan itu.

(7) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

Kesalahan terhadap Bahagian ini

6. (1) Tiap-tiap orang yang menyubahati pelakuan atau yang cuba melakukan sesuatu kesalahan yang dinyatakan dalam Bahagian ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman dan hilang kelayakan yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

(2) Tiap-tiap kesalahan di bawah Bahagian ini ialah kesalahan boleh tangkap mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

(3) Dalam sesuatu pendakwaan bagi sesuatu kesalahan berhubung dengan kertas penamaan, peti undi, kertas undi atau alat penanda dalam sesuatu pilihan raya, hak pemunyaan terhadap kertas penamaan, peti undi, kertas undi atau alat penanda itu, dan juga hak pemunyaan terhadap kaunterfoil mana-mana kertas undi, boleh dinyatakan sebagai ada pada pegawai pengurus dalam pilihan raya itu.

(4) Pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Bahagian ini tidak boleh dimulakan tanpa sanksi Pendakwa Raya.

BAHAGIAN III

PERBUATAN RASUAH

Penyamaran

7. Tiap-tiap orang yang memohon untuk mendapatkan suatu kertas undi dalam sesuatu pilihan raya atas nama seseorang yang lain, sama ada nama itu ialah nama bagi seseorang yang hidup atau mati, atau nama orang yang diada-adakan atau yang, setelah mengundi sekali dalam mana-mana pilihan raya itu, memohon untuk mendapatkan dalam pilihan raya yang sama suatu kertas undi atas namanya sendiri, bersalah atas kesalahan menyamar.

Penjamuan

8. Tiap-tiap orang yang, secara rasuah, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain, sama ada sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung memberikan atau mengadakan atau menyebabkan supaya diberikan atau diadakan, atau yang menyertai hal memberikan atau mengadakan itu, atau yang membayar atau mengaku janji akan membayar kesemuanya atau sebahagiannya, belanja bagi memberikan atau mengadakan apa-apa makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan, atau apa-apa wang atau tiket atau apa-apa cara atau tipu daya lain untuk membolehkan apa-apa makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan didapatkan, bagi atau untuk mana-mana orang bagi maksud untuk mempengaruhi secara

rasuah orang itu atau mana-mana orang lain supaya memberikan atau tidak memberikan undinya dalam pilihan raya itu atau oleh sebab mana-mana orang itu atau mana-mana orang lain telah mengundi atau tidak mengundi atau akan mengundi atau tidak akan mengundi dalam pilihan raya itu, dan tiap-tiap pemilih atau pengundi yang, secara rasuah menerima atau mengambil apa-apa makanan, minuman, atau makanan atau minuman ringan atau bekalan itu atau mana-mana wang atau tiket itu atau yang menggunakan apa-apa cara atau tipu daya lain itu untuk membolehkan makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan itu didapatkan bersalah atas kesalahan menjamu.

Pengaruh tidak wajar

9. (1) Tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, menggunakan atau mengancam hendak menggunakan apa-apa kekerasan, keganasan, atau halangan, atau yang mengenakan atau mengancam hendak mengenakan, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain, apa-apa bencana, kecacatan, kerosakan, atau kerugian keduniaan atau kerohanian ke atas atau terhadap mana-mana orang bagi mendorong atau memaksa orang itu untuk mengundi atau tidak mengundi, atau oleh sebab orang itu telah mengundi atau tidak mengundi, dalam mana-mana pilihan raya, atau yang dengan melarikan pemilih atau pengundi, dengan dures, atau apa-apa tipu daya atau muslihat menghindarkan atau menahan mana-mana pemilih atau pengundi daripada menjalankan hak mengundinya dengan bebas, atau yang dengan itu memaksa, mendorong, atau mendesak mana-mana pemilih atau pengundi sama ada untuk memberikan atau tidak memberikan undinya dalam mana-mana pilihan raya, atau yang secara langsung atau tidak langsung mengganggu atau cuba mengganggu mana-mana orang daripada menjalankan hak pilihannya dengan bebas bersalah atas kesalahan pengaruh tidak wajar.

(2) Seseorang hendaklah disifatkan telah mengganggu seseorang daripada menjalankan hak pilihannya dengan bebas mengikut pengertian seksyen ini jika dia mendorong atau cuba mendorong orang itu supaya mempercayai bahawa dia, atau mana-mana orang yang mengenainya dia mempunyai kepentingan, akan menjadi atau akan dijadikan seorang yang dimurkai Tuhan atau yang dicela kerohaniannya.

Penyogokan

10. Orang yang berikut hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan menyogok:

- (a) tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan, meminjamkan, atau bersetuju untuk memberikan atau meminjamkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan, apa-apa wang atau balasan bernilai kepada atau untuk mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak mana-mana pemilih atau pengundi atau kepada atau untuk mana-mana orang lain, bagi mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi, atau yang secara rasuah melakukan apa-apa perbuatan yang disebut terdahulu oleh sebab pemilih atau pengundi itu telah mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya;
- (b) tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan atau mendapatkan, atau bersetuju untuk memberikan atau mendapatkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan, apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan kepada atau untuk mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang lain, bagi mendorong pemilih atau pengundi itu supaya mengundi atau tidak mengundi, atau yang secara rasuah melakukan apa-apa perbuatan yang disebut terdahulu oleh sebab mana-mana pemilih atau pengundi telah mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya;
- (c) tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan apa-apa pemberian atau pinjaman, atau membuat apa-apa tawaran atau janji atau mendapatkan

apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan atau membuat apa-apa persetujuan yang disebut terdahulu kepada atau untuk mana-mana orang bagi mendorong orang itu supaya mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, atau untuk mendapatkan undi mana-mana pemilih atau pengundi dalam mana-mana pilihan raya;

- (d) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, apabila menerima atau oleh sebab mana-mana pemberian, pinjaman, tawaran, janji, pemerdapan, atau persetujuan itu, mendapatkan atau mengaku janji, berjanji atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, atau untuk mendapatkan undi mana-mana pemilih atau pengundi dalam sesuatu pilihan raya;
- (e) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, mendahulukan atau membayar atau menyebabkan supaya dibayar apa-apa wang kepada, atau untuk kegunaan, mana-mana orang lain dengan niat supaya wang itu atau mana-mana bahagiannya dibelanjakan sebagai sogokan dalam mana-mana pilihan raya atau yang dengan diketahuinya membayar atau menyebabkan dibayar apa-apa wang kepada mana-mana orang bagi menjelaskan atau membayar balik apa-apa wang yang keseluruhannya atau sebahagiannya telah dibelanjakan sebagai sogokan dalam mana-mana pilihan raya itu;
- (f) tiap-tiap pemilih atau pengundi yang, sebelum atau semasa mana-mana pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, menerima, bersetuju, atau membuat kontrak untuk mendapatkan apa-apa wang, pemberian, pinjaman, atau balasan bernilai, jawatan, kedudukan atau pekerjaan, untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain, kerana mengundi atau bersetuju untuk mengundi atau kerana tidak mengundi atau bersetuju untuk tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya itu;
- (g) tiap-tiap orang yang, selepas mana-mana pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, menerima apa-apa wang atau balasan bernilai oleh sebab mana-mana orang telah mengundi atau tidak mengundi atau telah mendorong mana-mana orang lain supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya itu;

- (h) tiap-tiap orang yang, selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, oleh sebab dan sebagai bayaran kerana mengundi atau telah mengundi atau kerana bersetuju atau telah bersetuju untuk mengundi mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya, atau oleh sebab dan sebagai bayaran kerana dia telah membantu atau bersetuju untuk membantu mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya, memohon kepada calon itu, atau kepada ejen atau ejen-ejennya, untuk mendapatkan pemberian atau pinjaman apa-apa wang atau balasan bernilai, atau untuk mendapatkan janji mengenai pemberian atau pinjaman apa-apa wang atau balasan bernilai atau untuk mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan atau untuk mendapatkan janji mengenai apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan; dan
- (i) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang bagi pihaknya, bagi mendorong mana-mana orang lain supaya bersetuju untuk dinamakan sebagai seorang calon atau supaya tidak menjadi seorang calon atau supaya menarik diri jika dia telah menjadi seorang calon, memberikan atau mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan, atau bersetuju untuk memberikan atau mendapatkan atau menawarkan atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan, kepada atau untuk orang lain itu, atau memberikan atau meminjamkan, atau bersetuju untuk memberikan atau meminjamkan, atau menawarkan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan apa-apa wang atau balasan bernilai kepada atau untuk mana-mana orang atau kepada atau untuk orang lain itu, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak orang lain itu.

Hukuman dan ketidakupayaan kerana perbuatan rasuah

11. (1) Tiap-tiap orang yang—

- (a) melakukan kesalahan menyamar, atau membantu, menyubahati, menasihati atau menyebabkan pelakuan kesalahan menyamar;

- (b) melakukan kesalahan menjamu, pengaruh tidak wajar, atau menyogok;
- (c) mencetak, menerbitkan, mengedarkan atau menampalkan atau menyebabkan supaya dicetak, diterbitkan, diedarkan atau ditampalkan apa-apa iklan, surat sebaran, pelekat atau poster yang berkenaan dengan mana-mana pilihan raya dan yang tidak mengandungi pada mukanya nama dan alamat pencetak dan penerbitnya;
- (d) membuat atau menerbitkan apa-apa pernyataan palsu mengenai fakta berhubung dengan watak atau kelakuan peribadi calon itu sebelum atau semasa mana-mana pilihan raya bagi maksud mempengaruhi supaya mana-mana calon dipilih;
- (e) membuat atau menerbitkan apa-apa pernyataan palsu mengenai penarikan diri mana-mana calon lain dalam pilihan raya itu sebelum atau semasa mana-mana pilihan raya bagi maksud menganjurkan supaya atau mendapatkan mana-mana calon dipilih; atau
- (f) sebagai seorang calon atau ejen pilihan raya dengan diketahuinya membuat akuan tentang belanja pilihan raya yang dikehendaki oleh seksyen 23 secara palsu,

bersalah atas suatu perbuatan rasuah, dan boleh, apabila disabitkan oleh sesuatu Mahkamah Sesyen mengenai hal yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b), dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan, dalam apa-apa hal lain, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit. Kesalahan di bawah perenggan (a) dan (b) ialah kesalahan boleh tangkap mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Tertakluk kepada apa-apa peruntukan tertentu yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan mana-mana pilihan raya, tiap-tiap orang yang disabitkan atas sesuatu perbuatan rasuah tidak boleh, oleh sebab sabitan itu, didaftarkan atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam mana-mana pilihan raya atau dipilih dalam mana-mana pilihan raya, dan jika pada tarikh itu dia telah pun dipilih dalam mana-mana pilihan raya, kerosunya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu:

Dengan syarat bahawa ketidakbolehan itu hendaklah terhenti apabila tamat tempoh lima tahun dari tarikh sabitan itu.

(3) Pendakwaan bagi sesuatu perbuatan rasuah kecuali mana-mana perbuatan rasuah sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan (1)(d) dan (e) tidak boleh dimulakan tanpa sanksi Pendakwa Raya.

BAHAGIAN IV

EJEN PILIHAN RAYA, BELANJA PILIHAN RAYA DAN PERBUATAN YANG MENYALAH UNDANG-UNDANG

Penamaan ejen pilihan raya

12. (1) Pada atau sebelum hari penamaan dalam sesuatu pilihan raya, seseorang hendaklah dinamakan secara bertulis oleh atau bagi pihak setiap calon sebagai ejennya untuk pilihan raya itu.

(2) Seseorang calon boleh menamakan dirinya sendiri sebagai ejen pilihan raya, dan dengan itu, setakat yang dibenarkan oleh hal keadaan, dia hendaklah tertakluk kepada Akta ini, sebagai seorang calon dan sebagai seorang ejen pilihan raya kedua-duanya, dan apa-apa sebutan dalam Akta ini tentang seseorang ejen pilihan raya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai calon yang bertindak atas sifatnya sebagai ejen pilihan raya.

(3) Pada atau sebelum hari penamaan, nama dan alamat ejen pilihan raya bagi setiap calon hendaklah diisytiharkan secara bertulis oleh calon itu atau oleh seseorang lain bagi pihaknya kepada pegawai pengurus, dan pegawai pengurus hendaklah segera membuat pemberitahuan awam mengenai nama dan alamat tiap-tiap ejen pilihan raya yang diisytiharkan sedemikian dengan menampalkan suatu notis di suatu tempat yang mudah dilihat di luar pejabatnya.

(4) Hanya seorang ejen pilihan raya hendaklah dilantik bagi setiap calon, tetapi pelantikan itu, sama ada ejen pilihan raya yang dilantik itu ialah calon itu sendiri atau tidak, boleh dibatalkan dan dalam hal pembatalan sedemikian atau kematian ejen pilihan raya itu, sama ada hal itu berlaku sebelum, semasa atau selepas

pilihan raya itu, seorang ejen pilihan raya yang lain hendaklah segera dilantik, dan nama dan alamatnya diisytiharkan secara bertulis kepada pegawai pengurus, yang hendaklah dengan segera memberikan notis awam mengenainya mengikut cara yang disebut terdahulu.

(5) Jika tiada nama dan alamat seseorang telah diisytiharkan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (3), calon itu hendaklah disifatkan pada masa itu sebagai telah menamakan dirinya sendiri sebagai ejen pilihan raya dan telah membatalkan apa-apa pelantikan seorang lain sebagai ejen pilihan rayanya.

(5A) Sehingga nama dan alamat seorang ejen pilihan raya yang lain telah diisytiharkan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (4), calon itu hendaklah disifatkan, dari masa pembatalan pelantikan ejen pilihan raya yang berkenaan itu atau dari masa kematiannya, telah melantik dirinya sendiri sebagai ejen pilihan raya.

(6) Tiap-tiap ejen pilihan raya hendaklah mempunyai, dalam bahagian pilihan raya yang baginya dia ialah seorang ejen pilihan raya, suatu pejabat yang kepadanya semua tuntutan, notis, writ, saman dan dokumen boleh dihantar dan alamat pejabat itu hendaklah diisytiharkan pada masa yang sama dengan pelantikan ejen itu kepada pegawai pengurus, dan hendaklah dinyatakan dalam pemberitahuan awam di bawah subseksyen (3) bersama dengan nama ejen pilihan raya itu dan alamatnya.

(6A) Jika seseorang calon disifatkan di bawah subseksyen (5) atau (5A) sebagai ejen pilihan rayanya sendiri, alamat surat-menysuratnya, sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas penamaannya, hendaklah disifatkan bagi maksud subseksyen (6) sebagai alamat pejabatnya sebagai ejen pilihan raya.

Hilang kelayakan untuk dilantik sebagai ejen pilihan raya, dsb.

13. (1) Tertakluk kepada subseksyen 12(2), seseorang hilang kelayakan untuk dilantik sebagai seorang ejen pilihan raya, ejen tempat mengundi atau ejen mengira jika—

(a) dia bukan seorang warganegara;

(b) dia berumur kurang daripada dua puluh satu tahun;

- (c) dia telah, dalam tempoh lima tahun sebaik sebelum hari penamaan dalam pilihan raya itu, disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan keganasan atau kecurangan oleh suatu mahkamah undang-undang di mana-mana bahagian Malaysia dan dia belum mendapat pengampunan bebas;
- (d) dia telah, dalam tempoh lima tahun sebaik sebelum hari penamaan dalam pilihan raya itu, disabitkan atas apa-apa kesalahan atau telah dilepaskan dari penjara setelah menjalani hukuman pemenjaraan kerana apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (e) dia ialah seorang yang namanya didaftarkan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*];
- (f) dia telah, dalam tempoh lima tahun sebaik sebelum hari penamaan dalam pilihan raya itu, disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 52(3) Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*], atau di bawah peruntukan yang bersamaan dalam mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan pertubuhan yang berkuat kuasa, dalam hal sesuatu pilihan raya di Sabah dan Sarawak, di mana-mana bahagian Malaysia, dan dalam hal sesuatu pilihan raya di Semenanjung Malaysia, di mana-mana bahagian Malaysia atau Republik Singapura;
- (g) dia ialah seorang yang mengenainya suatu perintah telah dibuat di bawah subseksyen 66(4) Akta Pertubuhan 1966, atau di bawah peruntukan yang bersamaan dalam mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan pertubuhan yang berkuat kuasa, dalam hal sesuatu pilihan raya di Sabah dan Sarawak, di mana-mana bahagian Malaysia atau, dalam hal sesuatu pilihan raya di Semenanjung Malaysia, di mana-mana bahagian Malaysia atau Republik Singapura; atau
- (h) dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan.

(1A) Dalam perenggan (1)(c), (f) dan (g), “bahagian Malaysia” ertinya mana-mana tempat yang menjadi sebahagian daripada Malaysia, atau yang pada tarikh sabitan atau perintah yang tersebut dalamnya itu menjadi sebahagian daripada Malaysia.

(2) Tiada pegawai, kerani, jurubahasa atau orang lain yang mempunyai apa-apa tugas untuk dilakukan menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya boleh dilantik sebagai seorang ejen pilihan raya atau bertindak sebagai seorang ejen calon dalam menjalankan atau menguruskan mana-mana pilihan raya.

Membuat pelantikan dan kontrak melalui ejen pilihan raya

14. (1) Ejen pilihan raya seseorang calon hendaklah dalam sesuatu pilihan raya—

- (a) melantik tiap-tiap ejen tempat mengundi, ejen mengira, kerani dan pengutus yang diambil kerja, sama ada dengan bayaran atau tidak, bagi pihak calon itu;
- (b) menyewa tiap-tiap bilik jawatankuasa yang disewa bagi pihak calon itu;
- (c) memberitahu ketua tempat mengundi di setiap tempat mengundi secara bertulis nama dan alamat—
 - (i) ejen atau ejen-ejen tempat mengundi yang dilantik untuk bertugas di tempat itu; dan
 - (ii) ejen atau ejen-ejen mengira yang dilantik untuk menghadiri pengiraan undi di tempat itu; dan
- (d) memberitahu pegawai pengurus bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya yang berkenaan secara bertulis nama dan alamat ejen atau ejen-ejen mengira yang dilantik untuk menghadiri pengiraan undi pengundi pos dan penjumlahan rasmi undi.

(1A) Tiap-tiap ejen tempat mengundi atau ejen mengira seseorang calon yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah bertugas atau hadir di tempat mengundi atau hendaklah menghadiri pengiraan undi di tempat mengundi itu sekurang-kurangnya selama dua jam dan penggantinya hanya boleh masuk ke tempat mengundi itu apabila tamat tempoh dua jam itu.

(2) Sesuatu kontrak yang menurutnya apa-apa belanja dilakukan kerana atau berkenaan dengan perjalanan atau pengurusan sesuatu pilihan raya tidak boleh dikuatkuasakan terhadap seseorang calon dalam pilihan raya itu, melainkan jika kontrak itu dibuat oleh calon itu sendiri atau oleh ejen pilihan rayanya:

Dengan syarat bahawa ketidakbolehan di bawah seksyen ini untuk menguatkuasakan kontrak itu terhadap calon itu tidak boleh melepaskan calon itu daripada akibat apa-apa perbuatan rasuah atau apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh ejennya.

Pembayaran belanja melalui ejen pilihan raya

15. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh atau menurut Akta ini, tiada pembayaran dan tiada pendahuluan atau deposit boleh dibuat oleh seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya, atau oleh mana-mana ejen bagi pihak calon itu, atau oleh mana-mana orang lain pada bila-bila masa, sama ada sebelum, semasa, atau selepas pilihan raya itu, mengenai apa-apa belanja yang dilakukan kerana atau berkenaan dengan perjalanan atau pengurusan pilihan raya itu melainkan oleh atau melalui ejen pilihan raya calon itu; dan segala wang yang diperuntukkan oleh mana-mana orang, selain calon itu, bagi apa-apa belanja yang dilakukan kerana atau berkenaan dengan perjalanan atau pengurusan pilihan raya itu, sama ada sebagai pemberian, pinjaman, pendahuluan, atau deposit, hendaklah dibayar kepada calon itu atau ejen pilihan rayanya dan tidak selainnya:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak boleh disifatkan terpakai bagi apa-apa pembayaran yang dibuat oleh pegawai pengurus atau bagi apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh mana-mana orang daripada wangnya sendiri bagi apa-apa belanja kecil yang dilakukan dengan sah di sisi undang-undang olehnya sendiri, jika jumlah wang itu tidak dibayar balik kepadanya.

(2) Seseorang yang membuat apa-apa pembayaran, pendahuluan, atau deposit berlanggaran dengan seksyen ini atau yang membayar apa-apa wang yang diperuntukkan sebagaimana yang disebut terdahulu berlanggaran dengan seksyen ini bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Larangan mengenai belanja tertentu semasa tempoh berkempen

15A. (1) Tiada belanja boleh, dengan tujuan untuk menganjurkan atau mendapatkan seseorang calon dipilih, dilakukan semasa tempoh berkempen, oleh mana-mana orang selain calon itu, ejen pilihan rayanya dan orang yang dibenarkan secara bertulis oleh ejen pilihan raya itu kerana—

- (a) mengadakan, memanggil atau menganjurkan apa-apa perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka atau memberikan ucapan atau syarahan awam terbuka;
- (b) mencetak atau mengeluarkan iklan, pekeliling atau terbitan; atau
- (c) selainnya mengemukakan calon itu atau pendapatnya atau takat atau jenis penyokongannya, atau mencaci seorang calon lain, kepada pemilih:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh—

- (i) menyekat penerbitan dalam sesuatu akhbar atau majalah berkala yang lain mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan pilihan raya itu;
- (ii) terpakai bagi belanja yang dilakukan oleh mana-mana orang kerana perjalanan atau kerana tidak tinggal di rumahnya, atau bagi belanja diri yang seumpamanya.

(2) Jika seseorang melakukan apa-apa belanja yang dikehendaki supaya dibenarkan oleh seseorang ejen pilihan raya di bawah subseksyen (1), dia hendaklah dalam tempoh empat belas hari selepas keputusan pilihan raya itu disiarkan dalam *Warta* menghantar suatu penyata kepada ejen pilihan raya itu, disertai dengan suatu akuan yang dibuat olehnya (atau dalam hal sesuatu persatuan atau kumpulan orang, oleh pengarah, pengurus besar, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya persatuan atau kumpulan orang itu) yang mengesahkan penyata itu dan memberikan butir-butir mengenai perkara yang baginya belanja itu telah dilakukan:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak boleh terpakai bagi mana-mana orang yang diambil bertugas atau diambil kerja dengan bayaran atau dengan janji akan diberi bayaran oleh calon itu atau ejen pilihan rayanya.

(3) Belanja yang ditunjukkan dalam penyata yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah dimasukkan ke dalam penyata yang dibuat oleh ejen pilihan raya itu mengikut subseksyen 23(1), dan kebenaran yang diterima daripada ejen pilihan raya itu hendaklah dilampirkan kepada penyata itu dan disifatkan menjadi sebahagian daripadanya.

(4) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa belanja melanggar dengan seksyen ini, atau yang membuat apa-apa akuan yang dikehendaki oleh subseksyen (2) yang palsu dan yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar, bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Tempoh bagi menghantar tuntutan dan membuat pembayaran bagi belanja pilihan raya

16. (1) Tiap-tiap pembayaran yang dibuat oleh seseorang ejen pilihan raya berkenaan dengan apa-apa belanja yang dilakukan kerana atau berkenaan dengan perjalanan dan pengurusan sesuatu pilihan raya hendaklah diakui dengan suatu bil yang menyatakan butir-butirnya dan dengan suatu resit, kecuali jika kurang daripada sepuluh ringgit atau jika, oleh sebab keadaan hal itu, seperti perjalanan dengan kereta api atau bayaran pos, resit tidak boleh didapati.

(2) Tiap-tiap tuntutan terhadap seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya atau terhadap ejen pilihan rayanya mengenai apa-apa belanja yang dilakukan kerana atau berkenaan dengan perjalanan atau pengurusan pilihan raya itu, yang tidak dihantar kepada ejen pilihan raya dalam masa yang dihadkan oleh Akta ini, boleh dihalang dan tidak boleh dibayar; dan tertakluk kepada apa-apa kecualian sebagaimana yang dibenarkan menurut Akta ini, seseorang ejen pilihan raya yang membayar sesuatu tuntutan melanggar dengan seksyen ini bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(3) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta ini, masa yang dihadkan oleh Akta ini untuk menghantar tuntutan ialah empat belas hari selepas tarikh keputusan pilihan raya itu disiarkan dalam *Warta*.

(4) Segala belanja yang dilakukan oleh atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya, dan yang dilakukan kerana atau berkenaan dengan penjalanan atau pengurusan pilihan raya itu, hendaklah dibayar dalam masa yang dihadkan oleh Akta ini; dan, tertakluk kepada apa-apa kecualian sebagaimana yang dibenarkan menurut Akta ini, seseorang ejen pilihan raya yang membuat sesuatu pembayaran berlanggaran dengan peruntukan ini bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(5) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta ini, masa yang dihadkan oleh Akta ini untuk membayar belanja yang disebut terdahulu ialah dua puluh lapan hari selepas tarikh keputusan pilihan raya itu disiarkan dalam *Warta*.

(6) Jika telah dibuktikan oleh seseorang calon dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat oleh seseorang ejen pilihan raya yang berlanggaran dengan seksyen ini telah dibuat tanpa persetujuan atau pembiaran calon itu, pemilihan calon itu tidak boleh terbatal dan juga calon itu tidak boleh tertakluk kepada apa-apa ketidakupayaan di bawah Akta ini semata-mata oleh sebab pembayaran itu telah dibuat berlanggaran dengan seksyen ini.

(7) Jika dalam hal apa-apa tuntutan yang dihantar kepada ejen pilihan raya dalam masa yang dihadkan oleh Akta ini, ejen pilihan raya itu mempertikaikan tuntutan itu, atau enggan atau tidak membayarnya dalam tempoh dua puluh lapan hari yang tersebut itu, tuntutan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu tuntutan yang dipertikaikan.

(8) Pihak menuntut itu boleh, jika difikirkannya patut, membawa suatu tindakan bagi suatu tuntutan yang dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah yang berwibawa; dan apa-apa wang yang dibayar oleh calon itu atau ejennya menurut penghakiman atau perintah mahkamah itu hendaklah disifatkan dibayar dalam masa yang dihadkan oleh Akta ini, dan sebagai suatu kecualian daripada peruntukan Akta ini, yang menghendaki supaya tuntutan dibayar oleh ejen pilihan raya.

(9) Apabila ditunjukkan sebab dengan memuaskan hati seseorang Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim itu boleh, atas permohonan yang dibuat oleh pihak menuntut atau oleh calon itu atau ejen pilihan rayanya, dengan perintah memberikan kebenaran supaya suatu tuntutan yang dipertikaikan atau suatu tuntutan untuk apa-

apa belanja yang disebut terdahulu dibayar oleh seseorang calon atau ejen pilihan rayanya, walaupun tuntutan itu dihantar selepas masa yang disebut dalam seksyen ini bagi menghantar tuntutan, atau walaupun tuntutan itu telah dihantar kepada calon itu dan tidak kepada ejen pilihan raya.

(10) Apa-apa wang yang dinyatakan dalam perintah kebenaran itu boleh dibayar oleh calon itu atau ejen pilihan rayanya; dan apabila dibayar menurut kebenaran itu wang itu hendaklah disifatkan dibayar dalam masa yang dihadkan oleh Akta ini.

Saraan ejen pilihan raya

17. Setakat yang hal keadaan membenarkan, Akta ini hendaklah terpakai bagi sesuatu tuntutan bagi saraannya oleh seseorang ejen pilihan raya dan bagi pembayaran tuntutan itu mengikut cara yang sama seolah-olah dia ialah seorang pemiutang lain, dan jika timbul apa-apa perbezaan berkenaan dengan amaun tuntutan itu, tuntutan itu hendaklah menjadi suatu tuntutan yang dipertikaikan mengikut pengertian Akta ini, dan hendaklah diuruskan dengan sewajarnya.

18. (*Dipotong oleh Akta A5*).

Belanja yang lebih daripada maksimum ialah perbuatan yang menyalahi undang-undang

19. (1) Tertakluk kepada apa-apa kecualian sebagaimana yang dibenarkan menurut Akta ini, tiada wang boleh dibayar dan tiada belanja boleh dilakukan oleh seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya atau oleh ejen pilihan rayanya, selepas tarikh notis mengenai pilihan raya itu disiarkan dalam *Warta*, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, kerana atau berkenaan dengan perjalanan atau pengurusan pilihan raya itu, yang lebih daripada—

- (a) dua ratus ribu ringgit dalam hal sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat;
- (b) satu ratus ribu ringgit dalam hal sesuatu pilihan raya bagi sesuatu Dewan Undangan;

- (c) sepuluh ribu ringgit dalam hal sesuatu pilihan raya bagi sesuatu pihak berkuasa tempatan selain sesuatu majlis tempatan;
- (d) tiga ribu ringgit dalam hal sesuatu pilihan raya bagi sesuatu majlis tempatan:

Dengan syarat bahawa perenggan (c) dan (d) tidak boleh terpakai bagi Sabah dan Sarawak.

(2) Mana-mana calon atau ejen pilihan raya yang dengan diketahuinya bertindak melanggar dengan seksyen ini bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Belanja tertentu ialah perbuatan yang menyalahi undang-undang

20. (1) Tiada pembayaran atau kontrak untuk pembayaran boleh, bagi maksud untuk menganjurkan atau mendapatkan seseorang calon dipilih dalam mana-mana pilihan raya, dibuat—

- (a) kerana mengangkut pemilih atau pengundi ke atau dari tempat mengundi, sama ada bagi menyewa kenderaan, vesel atau apa-apa jua jenis binatang pengangkutan, atau bagi tambang kereta api, atau selainnya; atau
- (b) kepada atau dengan seseorang pemilih atau pengundi kerana menggunakan mana-mana rumah, tanah, bangunan, atau premis untuk mempamerkan apa-apa alamat, bil, atau notis, atau kerana mempamerkan apa-apa alamat, bil atau notis.

(2) Tertakluk kepada apa-apa kecualian sebagaimana yang dibenarkan menurut Akta ini, jika apa-apa pembayaran atau kontrak untuk pembayaran dengan diketahui dibuat melanggar dengan seksyen ini sama ada sebelum, semasa, atau selepas sesuatu pilihan raya, orang yang membuat pembayaran atau kontrak itu bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang, dan mana-mana orang yang menerima pembayaran itu atau yang menjadi suatu pihak dalam mana-mana kontrak itu, dengan mengetahuinya sebagai melanggar dengan seksyen ini, juga bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(3) Seseorang tidak boleh, bagi maksud mengangkut pemilih atau pengundi ke atau dari tempat mengundi, menyewakan, meminjamkan atau menggunakan apa-apa kenderaan, vesel atau apa-apa jua jenis binatang pengangkutan yang disimpan atau digunakan olehnya bagi maksud untuk disewakan, dan jika dia menyewakan, meminjamkan atau menggunakan kenderaan, vesel atau binatang pengangkutan itu dengan mengetahui bahawa ia dimaksudkan untuk digunakan bagi mengangkut pemilih atau pengundi ke atau dari tempat mengundi, orang itu bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(4) Seseorang tidak boleh, bagi maksud mengangkut pemilih atau pengundi ke atau dari tempat mengundi, menyewa, meminjam atau menggunakan apa-apa kenderaan, vesel atau apa-apa jua jenis binatang pengangkutan yang diketahuinya bahawa pemunyaanya dilarang oleh subseksyen (3) daripada menyewakan, meminjamkan atau menggunakannya bagi maksud itu, dan jika dia berbuat demikian, dia bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(5) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (3) atau (4) boleh menghalang sesuatu kenderaan, vesel atau apa-apa jenis binatang pengangkutan daripada disewakan, atau disewa, dipakai, atau digunakan oleh seseorang pemilih atau pengundi atau beberapa orang pemilih atau pengundi atas perbelanjaan mereka bersama bagi maksud untuk diangkut ke atau dari tempat mengundi.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam peruntukan yang terdahulu dalam seksyen ini —

- (a) jika menjadi urusan biasa seseorang pemilih atau pengundi sebagai seorang ejen pengiklanan untuk mempamerkan bil dan iklan untuk mendapatkan bayaran, sesuatu pembayaran kepada atau sesuatu kontrak dengan pemilih atau pengundi itu, jika dibuat dalam perjalanan biasa urusan, tidak boleh disifatkan sebagai suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang mengikut pengertian seksyen ini;
- (b) jika dalam sesuatu pilihan raya pemilih atau pengundi tidak dapat sampai ke tempat mengundi mereka dari tempat atau kediaman mereka tanpa menyeberangi laut atau sesuatu cabang atau aluran laut atau sungai, cara-cara boleh diadakan bagi mengangkut pemilih atau pengundi

itu ke tempat mengundi mereka atau untuk membolehkan mereka menyeberangi sungai itu supaya dapat sampai ke tempat mengundi mereka dan jumlah bayaran bagi cara-cara pengangkutan itu boleh menjadi tambahan kepada amaun maksimum belanja yang dibenarkan oleh Akta ini:

Dengan syarat sentiasa bahawa cara-cara pengangkutan itu hendaklah diadakan sama rata bagi semua pemilih atau pengundi yang hendak menggunakannya.

Pengambilan kerja tertentu menyalahi undang-undang

21. (1) Tiada seorang pun boleh, bagi maksud menganjurkan atau mendapatkan seseorang calon dipilih dalam mana-mana pilihan raya, diambil bertugas atau diambil kerja dengan bayaran atau janji akan diberi bayaran bagi apa-apa maksud atau atas apa-apa sifat jua pun, kecuali bagi maksud atau atas sifat yang berikut:

- (a) seorang ejen pilihan raya dan tidak lebih daripada itu;
- (b) tidak lebih daripada seorang ejen tempat mengundi pada sesuatu masa bagi setiap kawasan mengundi atau daerah mengundi:

Dengan syarat bahawa jika lebih daripada satu tempat mengundi diadakan di mana-mana kawasan mengundi atau daerah mengundi, seorang lagi ejen tempat mengundi boleh diambil kerja bagi setiap tempat mengundi; dan

- (c) sebilangan yang munasabah kerani dan pengutus memandang kepada luasnya bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya dan kepada bilangan pemilih dalam daftar atau senarai pemilih bagi bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya itu.

(2) Tertakluk kepada apa-apa kecualian yang dibenarkan menurut Akta ini, jika mana-mana orang diambil bertugas atau diambil kerja melanggar dengan seksyen ini, sama ada sebelum, semasa, atau selepas sesuatu pilihan raya, orang yang mengambil bertugas atau mengambil kerja orang itu bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Kecualian bagi pemiutang

22. Peruntukan Akta ini yang melarang pembayaran dan kontrak untuk pembayaran tertentu, dan pembayaran apa-apa wang, dan pelakuan belanja yang melebihi maksimum yang tertentu, tidak boleh menyentuh hak mana-mana pemiutang yang, apabila kontrak itu dibuat atau apabila belanja itu dilakukan, tidak tahu yang demikian itu sebagai berlanggaran dengan Akta ini.

Pengecualian daripada duti setem

22A. Apa-apa surat cara yang dibuat dengan sumpah atau ikrar menurut seksyen 5 atau 23 dalam mana-mana borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dikecualikan daripada pembayaran duti setem di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuat kuasa yang berhubungan dengan duti setem.

Penyata dan akuan berkenaan dengan belanja pilihan raya

23. (1) Dalam tempoh tiga puluh satu hari selepas tarikh keputusan sesuatu pilihan raya disiarkan dalam *Warta*, tiap-tiap calon dalam pilihan raya itu atau ejen pilihan rayanya hendaklah menyerahkan suatu penyata yang benar, dalam Akta ini disebut “penyata berkenaan dengan belanja pilihan raya” kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri, dalam Borang B dalam Jadual Pertama, yang mengandungi pernyataan terperinci berkenaan dengan calon itu mengenai —

- (a) (*Dipotong oleh Akta A5*);
- (b) (*Dipotong oleh Akta A5*);
- (c) tuntutan yang dipertikaikan setakat yang diketahui oleh calon itu atau ejen pilihan rayanya;
- (d) semua tuntutan yang belum dibayar, jika ada, yang diketahui oleh calon itu atau ejen pilihan rayanya dan yang mengenainya permohonan telah atau akan dibuat kepada Hakim Pilihan Raya atau Hakim Mahkamah Tinggi;

- (e) semua wang, jaminan dan balasan bernilai yang lain yang diterima oleh atau dijanjikan kepada calon itu atau ejen pilihan rayanya daripada atau oleh mana-mana calon atau orang lain bagi maksud belanja yang dilakukan atau akan dilakukan kerana atau berkenaan dengan pengurusan pilihan raya itu, dengan menyebut nama tiap-tiap orang yang daripadanya wang itu mungkin telah diterima atau yang olehnya wang itu mungkin telah dijanjikan, dengan menunjukkan mengenai setiap wang itu sama ada wang itu telah diterima sebagai sumbangan, pinjaman, deposit atau selainnya;
- (f) amaun belanja, jika ada, yang dilakukan oleh mana-mana orang yang dibenarkan oleh calon itu atau ejen pilihan rayanya di bawah subseksyen 15A(1).

(2) Penyata berkenaan dengan belanja pilihan raya hendaklah ditandatangani oleh calon atau ejen pilihan rayanya dan hendaklah disertai dengan suatu pernyataan yang dibuat oleh calon itu dan ejen pilihan rayanya, yang masing-masingnya hendaklah dibuat dalam Borang C dan D dalam Jadual Pertama dan hendaklah dibuat dengan sumpah di hadapan Pengerusi atau seorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, seorang Majistret, Jaksa Pendamai, Pesuruhjaya Sumpah, atau Pengarah Pilihan Raya Negeri:

Dengan syarat bahawa jika calon itu telah menamakan dirinya sebagai ejen pilihan raya di bawah subseksyen 12(2), pernyataan itu hendaklah dibuat hanya dalam Borang C dalam Jadual Pertama.

(3) Jika penyata dan pernyataan tersebut tidak dihantar sebelum tamat masa yang dihadkan bagi maksud itu, calon itu tidak boleh, selepas tamat masa itu bersidang atau mengundi sehingga penyata dan pernyataan itu telah dihantar ataupun sehingga tarikh yang dibenarkan bagi apa-apa maaf yang dibenarkan kerana tidak menghantarnya sebagaimana yang disebut dalam Akta ini, dan jika dia bersidang atau mengundi melanggar dengan Akta ini, dia boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari dia bersidang atau mengundi sedemikian.

(4) Jika mana-mana calon atau ejen pilihan raya tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) atau (2) dia bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang dan seksyen ini ialah tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa seksyen 11.

Penyiaran penyerahan penyata, dsb.

24. (1) Apabila apa-apa penyata berkenaan dengan belanja pilihan raya dan pernyataan yang dibuat berkenaan dengannya telah diterima oleh Pengarah Pilihan Raya Negeri, dia hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, menyebabkan suatu notis mengenai tarikh yang penyata dan pernyataan yang berkenaan telah diterima olehnya dan mengenai masa dan tempat di mana penyata dan pernyataan itu boleh diperiksa ditampalkan di sesuatu tempat yang mudah dilihat di dalam pejabatnya dan disiarkan dalam *Warta*.

(2) Pengarah Pilihan Raya Negeri hendaklah memelihara semua penyata dan pernyataan itu bersama dengan bil dan baucar yang berhubungan dengannya dan hendaklah pada setiap masa yang munasabah dalam masa enam bulan yang berikut selepas notis yang disebut dalam seksyen ini disiarkan dalam *Warta* membenarkan mana-mana orang untuk memeriksanya dan untuk membuat cabutan daripadanya dengan bayaran sebanyak sepuluh ringgit dan hendaklah, dengan bayaran sebanyak dua ringgit bagi setiap folio yang mengandungi seratus perkataan, memberikan salinan atau salinan-salinan mana-mana bahagian penyata dan pernyataan itu; dan selepas tamat tempoh enam bulan tersebut dokumen tersebut boleh dimusnahkan atau dipulangkan kepada calon itu jika permohonan supaya dokumen itu dipulangkan dibuat oleh calon itu sebelum dokumen itu dimusnahkan.

Batasan diayah politik pada hari penamaan

24A. (1) Tiada seorang pun boleh, pada hari atau hari-hari penamaan —

- (a) memberikan atau membekalkan apa-apa alat muzik atau pembesar suara kepada mana-mana orang dengan tujuan supaya alat muzik atau pembesar suara itu digunakan oleh mana-mana orang dengan apa-apa cara atau digunakan di dalam atau di atas apa-apa vesel, binatang, motokar, trak atau kenderaan lain; atau
- (b) menggunakan sendiri atau menggunakan di dalam atau di atas apa-apa vesel, binatang, motokar, trak atau kenderaan lain mana-mana alat muzik atau pembesar suara itu,

sebagai, atau bagi maksud, diayah politik.

(2) Tiada seorang pun boleh, pada hari atau hari-hari penamaan, menunggu atau berdiri-diri dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat penamaan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

Kempen pilihan raya dan batasan mengenainya

24B. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, seseorang calon atau ejen pilihan rayanya boleh mengadakan kempen pilihan raya semasa tempoh berkempen.

(2) Seseorang calon atau ejen pilihan rayanya boleh, semasa tempoh berkempen, membuka atau menubuhkan atau menyenggarakan pejabat di dalam bahagian pilihan raya yang baginya calon itu bertanding bagi maksud kempennya dalam sesuatu pilihan raya.

(3) Seseorang calon atau ejen pilihan rayanya boleh, semasa tempoh berkempen—

- (a) mengadakan, memanggil atau mengaturkan apa-apa perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka; atau
- (b) memberikan apa-apa ucapan awam terbuka atau syarahan awam terbuka,

di dalam bahagian pilihan raya yang baginya calon itu bertanding tetapi hanya jika dia memegang suatu permit untuk berbuat demikian yang dikeluarkan kepadanya oleh pegawai polis yang menjaga daerah di mana perjumpaan, perhimpunan, pertunjukan atau hiburan itu hendak diadakan atau ucapan atau syarahan itu hendak diberikan.

(4) Seseorang calon atau ejen pilihan rayanya boleh, semasa tempoh berkempen, mempamerkan, memberikan atau mengedarkan bahan kempen pilihan raya kepada orang ramai di dalam bahagian pilihan raya yang baginya calon itu bertanding tetapi hanya jika dia—

- (a) memegang suatu permit untuk berbuat demikian yang dikeluarkan kepadanya oleh Pengarah Pilihan Raya Negeri, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pengarah Pilihan Raya Negeri itu; dan

- (b) telah membayar kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri itu deposit sebanyak lima ribu ringgit dalam hal suatu pemilihan ke Dewan Rakyat dan tiga ribu ringgit dalam hal suatu pemilihan ke Dewan Undangan Negeri.

(5) Apabila diterima deposit di bawah subseksyen (4), Pengarah Pilihan Raya Negeri hendaklah memperlakukan wang yang dibayar sedemikian mengikut peraturan kewangan Kerajaan yang semasa.

(6) Tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan, bahan kempen pilihan raya termasuklah apa-apa iklan, risalah, brosur, bendera, panji-panji, sepanduk, tetunggul, poster, pelekat, surat sebaran, label atau apa-apa bentuk papan iklan sementara.

(7) Tiada seorang pun boleh, semasa tempoh berkempen, mempamerkan atau melekatkan apa-apa bahan kempen pilihan raya dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi.

(8) Apa-apa bahan kempen pilihan raya yang dipamerkan atau dilekatkan hendaklah dibersihkan oleh seseorang calon atau ejen pilihan rayanya dalam masa empat belas hari selepas hari mengundi dan jika calon itu atau ejen pilihan rayanya tidak mematuhi subseksyen ini—

- (a) deposit yang dibayar menurut subseksyen (4) hendaklah dilucuthakkan dan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan; dan
- (b) Pengarah Pilihan Raya Negeri hendaklah menyebabkan dibersihkan segala bahan itu dalam masa yang munasabah dan kos pembersihan bahan itu hendaklah dibayar daripada jumlah wang yang dilucuthakkan di bawah perenggan (a).

(9) Jika kos pembersihan bahan yang disebut dalam perenggan (8)(b) melebihi deposit yang dilucuthakkan di bawah perenggan (8)(a), perbezaannya hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar oleh calon itu kepada Kerajaan Persekutuan dan boleh didapatkan daripada calon itu dengan sewajarnya.

(10) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3), (4) atau (7) boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

(11) Sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini ialah kesalahan boleh tangkap mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah.

Majikan hendaklah membenarkan tempoh yang munasabah bagi pekerja mengundi

25. (1) Tiap-tiap majikan hendaklah, pada hari mengundi, membenarkan suatu tempoh yang munasabah bagi tiap-tiap pemilih yang bekerja dengannya mengundi, dan tiada majikan boleh membuat apa-apa potongan daripada gaji atau saraan lain mana-mana pemilih itu atau mengenakan ke atasnya atau menuntut daripadanya apa-apa penalti oleh sebab dia tidak hadir bekerja dalam tempoh itu.

(2) Seksyen ini hendaklah meliputi pekerja syarikat pengganti sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 [*Akta 464*] dan pekerja Kereta Api Sabah kecuali mana-mana pekerja yang sebenarnya bertugas mengendalikan kereta api dan yang baginya masa itu tidak boleh dibenarkan tanpa mengganggu pengendalian kereta api itu; dan Pengurus Besar hendaklah, dalam setiap hal itu, disifatkan sebagai majikan bagi pekerja itu.

(3) Mana-mana majikan yang, secara langsung atau tidak langsung, enggan memberikan, atau dengan intimidasi, dengan pengaruh tidak wajar, atau dengan apa-apa cara lain, mengganggu pemberian suatu tempoh yang munasabah untuk mana-mana pemilih yang bekerja dengannya mengundi, sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, boleh apabila disabitkan secara terus didenda sebanyak lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama satu tahun.

(4) Seksyen ini tidak meliputi mana-mana kategori pekerja yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya Pilihan Raya melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(5) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan setiap Negeri terikat kepada seksyen ini.

(6) Dalam seksyen ini, “majikan” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kerja 1955 [*Akta 265*].

Batasan pada hari mengundi

26. (1) Tiada seorang pun boleh pada hari mengundi—

- (a) mengadakan, memanggil atau mengaturkan di mana-mana tempat apa-apa bentuk perjumpaan, perhimpunan, pertunjukan atau hiburan atau memberikan apa-apa bentuk ucapan atau syarahan sama ada atau tidak perjumpaan, perhimpunan, pertunjukan, hiburan, ucapan atau syarahan itu terbuka kepada atau melibatkan orang ramai atau selainnya;
- (b) memberikan atau membekalkan apa-apa alat muzik atau pembesar suara kepada mana-mana orang dengan tujuan supaya alat muzik atau pembesar suara itu digunakan oleh mana-mana orang dengan apa-apa cara atau digunakan di dalam atau di atas apa-apa vesel, binatang, motokar, trak atau kenderaan lain sebagai, atau bagi maksud, diayah politik atau menggunakannya sendiri atau menggunakan di dalam atau di atas apa-apa vesel, binatang, motokar, trak atau kenderaan lain mana-mana alat muzik atau pembesar suara itu;
- (c) membuka atau menubuhkan atau menyenggarakan suatu pejabat atau barung di dalam bahagian pilihan raya yang baginya calon itu bertanding bagi apa-apa maksud yang berkaitan dengan sesuatu pilihan raya selain pejabat yang dibuka atau ditubuhkan atau disenggarakan menurut subseksyen 24B(2) atau bilik jawatankuasa yang disewa menurut perenggan 14(1)(b);
- (d) menggunakan mana-mana rumah kediaman, rumah kedai, pondok, dewan atau mana-mana premis lain sebagai pejabat atau pusat mana-mana parti politik di dalam bahagian pilihan raya itu;
- (e) dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi—
 - (i) cuba menentukan identiti mana-mana orang yang memasuki sesuatu tempat mengundi;

- (ii) menyemak dalam mana-mana senarai nama mana-mana orang yang memasuki atau meninggalkan sesuatu tempat mengundi;
- (iii) merayu-rayu atau memujuk atau cuba memujuk mana-mana orang supaya tidak mengundi dalam pilihan raya itu, atau supaya mengundi atau tidak mengundi mana-mana calon dalam pilihan raya itu;
- (iv) menunggu atau berdiri-diri kecuali bagi maksud membolehkannya masuk ke tempat mengundi untuk membuang undinya tetapi tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menghalang pegawai yang hak atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh pegawai yang hak itu daripada menjalankan tugasnya berhubung dengan penjalanan sesuatu pilihan raya;
- (f) bagi pihak mana-mana calon, merayu undi pemilih di dalam mana-mana bahagian pilihan raya bagi menyokong atau menentang mana-mana calon atau parti politik dalam sesuatu pilihan raya dengan apa-apa cara jua termasuk melawat pemilih di rumah atau di tempat kerja mereka atau menemu ramah orang ramai; atau
- (g) dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi dan dalam tempat mengundi, memakai, memegang atau membawa apa-apa bentuk atau jenis pakaian, tutup kepala, barang hiasan, roset, botol air atau payung yang padanya tercetak atau tertera nama calon atau nama, lambang atau simbol mana-mana parti politik.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

(3) Sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) ialah kesalahan boleh tangkap mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah.

Barung hendaklah diadakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya

26A. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, pada hari mengundi, mengadakan apa-apa bilangan barung yang terletak di mana-mana tempat yang difikirkannya perlu bagi maksud membantu pemilih menentukan nombor pilihan raya mereka dalam daftar pemilih.

(2) Ejen pilihan raya seseorang calon hendaklah melantik tidak lebih daripada empat orang untuk bertindak sebagai pemerhati barung bagi pihak calon itu, dan hendaklah, sebelum permulaan pengundian, memberitahu ketua tempat mengundi di setiap tempat mengundi secara bertulis nama dan alamat pemerhati barung yang dilantik untuk hadir di barung berkenaan dengan tempat mengundi itu.

(3) Tiap-tiap pemerhati barung seseorang calon yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah hadir di barung itu sekurang-kurangnya selama dua jam dan penggantinya hanya boleh masuk ke barung itu apabila tamat tempoh dua jam itu.

26B. (*Dipotong oleh Akta A1177*).

Hukuman bagi sabitan kerana perbuatan yang menyalahi undang-undang

27. (1) Tiap-tiap orang yang melakukan sesuatu perbuatan yang menyalahi undang-undang boleh, apabila disabitkan oleh sesuatu Mahkamah Sesyen, didenda sebanyak lima ribu ringgit dan, tertakluk kepada mana-mana peruntukan tertentu yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya, dia tidak boleh, oleh sebab sabitan itu didaftarkan atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam mana-mana pilihan raya di bawah Akta ini atau dipilih dalam mana-mana pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh itu dia telah pun dipilih dalam mana-mana pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu.

(2) Pendakwaan bagi sesuatu perbuatan yang menyalahi undang-undang tidak boleh dimulakan tanpa sanksi Pendakwa Raya.

BAHAGIAN IVA

PASUKAN PENGUAT KUASA

Tafsiran berhubung dengan Bahagian ini

27A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“calon” termasuklah ejen pilihan raya seseorang calon dan mana-mana orang yang dilantik oleh calon atau ejen pilihan rayanya;

“kawasan kawalan”, berhubung dengan pasukan penguat kuasa, ertinya kawasan yang disebut dalam seksyen 27D;

“wakil parti politik” ertinya wakil sesuatu parti politik yang mengambil bahagian dalam pilihan raya itu, yang dilantik oleh calon atau ejen pilihan rayanya untuk menganggotai pasukan penguat kuasa di bawah perenggan 27C(1)(d) dan termasuklah penggantinya yang dilantik di bawah subseksyen 27F(4).

Penubuhan pasukan penguat kuasa

27B. Suruhanjaya Pilihan Raya boleh, jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya itu, menubuhkan suatu pasukan penguat kuasa atau apa-apa bilangan pasukan penguat kuasa bagi maksud memantau dan mengawal aktiviti calon sepanjang tempoh berkempen sehingga tamat hari mengundi.

Keanggotaan pasukan penguat kuasa

27c. (1) Pasukan penguat kuasa hendaklah terdiri daripada—

- (a) pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah perenggan 3(d) Akta Pilihan Raya 1958;
- (b) seorang wakil, yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, Pegawai Pemerintah bagi daerah polis dalam kawasan kawalan, atau jika kawasan kawalan meliputi lebih daripada satu daerah polis, Pegawai Pemerintah bagi setiap daerah polis itu;

- (c) seorang wakil pihak berkuasa tempatan dalam kawasan kawalan, atau jika kawasan kawalan meliputi lebih daripada satu kawasan pihak berkuasa tempatan, setiap pihak berkuasa tempatan itu; dan
- (d) seorang wakil parti politik yang dilantik secara bertulis oleh calon atau ejen pilihan rayanya.

(2) Pegawai penguat kuasa yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah menjadi ketua pasukan penguat kuasa.

Kawasan kawalan pasukan penguat kuasa

27D. Sesuatu pasukan penguat kuasa hendaklah melaksanakan fungsinya dalam bahagian pilihan raya Parlimen yang baginya pasukan itu ditubuhkan, termasuklah bahagian pilihan raya Negeri dalam bahagian pilihan raya Parlimen itu.

Fungsi pasukan penguat kuasa

27E. Fungsi pasukan penguat kuasa ialah—

- (a) membuat rondaan, dan memantau aktiviti calon, dalam kawasan kawalannya untuk memastikan bahawa undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya dipatuhi;
- (b) menurunkan atau menyebabkan supaya diturunkan dengan serta-merta apa-apa bahan kempen dalam kawasan kawalannya yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya;
- (c) memberhentikan atau menyebabkan supaya diberhentikan apa-apa ucapan atau syarahan awam terbuka yang diadakan dalam kawasan kawalannya yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya, dan, jika perlu untuk menahan mana-mana orang yang terlibat dengan ucapan atau syarahan awam terbuka itu, meminta pegawai polis menahan orang itu; dan
- (d) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan mana-mana aktiviti berkempen yang dinyatakan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya dalam kawasan kawalannya.

Pelantikan wakil parti politik

27F. (1) Bagi maksud perenggan 27C(1)(d), seseorang calon atau ejen pilihan rayanya hendaklah memberitahukan secara bertulis nama wakil parti politik yang dilantik olehnya atau ejen pilihan rayanya kepada pegawai pengurus pada hari penamaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), orang yang dilantik sebagai wakil parti politik hendaklah kekal sebagai wakil sedemikian sepanjang tempoh berkempen sehingga tamat hari mengundi.

(3) Pegawai pengurus hendaklah memberikan notis bertulis kepada tiap-tiap wakil parti politik yang dilantik untuk memberitahunya supaya hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk menjalankan tugasnya sebagai anggota pasukan penguat kuasa itu.

(4) Jika orang yang dilantik sebagai wakil parti politik itu mati, sakit atau oleh apa-apa sebab lain tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya sebagai anggota pasukan penguat kuasa, calon itu atau ejen pilihan rayanya boleh melantik seorang lain untuk menggantikan orang yang mula-mula disebut itu sebagai wakil parti politik dan hendaklah dengan segera memberitahukan nama pengganti itu kepada pegawai pengurus.

(5) Jika seseorang wakil parti politik tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis yang diberikan oleh pegawai pengurus di bawah subseksyen (3), pasukan penguat kuasa hendaklah terus melaksanakan fungsinya tanpa kehadiran wakil itu dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh anggota pasukan penguat kuasa yang hadir hendaklah disifatkan telah dipersetujui oleh anggota yang tidak hadir itu.

Keputusan pasukan penguat kuasa

27G. (1) Tiap-tiap keputusan atau tindakan yang hendak dibuat oleh pasukan penguat kuasa dalam melaksanakan fungsinya hendaklah dibuat secara persetujuan bersama di kalangan semua anggota pasukan penguat kuasa yang hadir.

(2) Jika suatu persetujuan bersama tidak boleh didapatkan di kalangan semua anggota pasukan penguat kuasa yang hadir, ketua pasukan penguat kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa keputusan atau untuk mengarahkan supaya apa-apa tindakan diambil oleh pasukan penguat kuasa itu.

(3) Sebelum membuat apa-apa keputusan atau mengeluarkan apa-apa arahan di bawah subseksyen (2), ketua pasukan penguat kuasa hendaklah terlebih dahulu mendapatkan nasihat daripada Pengarah Pilihan Raya Negeri, atau jika Pengarah Pilihan Raya Negeri tiada, daripada pegawai pengurus.

(4) Keputusan atau arahan ketua pasukan penguat kuasa muktamad dan mengikat semua anggota pasukan penguat kuasa.

(5) Tiada keputusan atau tindakan yang dibuat oleh pasukan penguat kuasa boleh dipersoalkan atas alasan bahawa terdapatnya ketidakhadiran mana-mana anggota pasukan penguat kuasa.

Aduan kepada pegawai pengurus

27H. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang atau parti politik boleh membuat apa-apa aduan mengenai aktiviti seseorang calon semasa tempoh berkempen kepada pegawai pengurus.

(2) Pegawai pengurus itu hendaklah mengarahkan pasukan penguat kuasa supaya membuat rondaan dalam kawasan yang berkenaan dengannya aduan itu dibuat bagi maksud memastikan bahawa undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya dipatuhi.

BAHAGIAN V

MAAF KERANA PERBUATAN RASUAH ATAU PERBUATAN YANG MENYALAH UNDANG-UNDANG

Laporan yang membebaskan calon dalam perbuatan rasuah dan perbuatan yang menyalahi undang-undang tertentu yang dilakukan oleh ejen

28. Jika, selepas perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya berkenaan dengan sesuatu pilihan raya, Hakim Pilihan Raya melaporkan bahawa seseorang calon pilihan raya itu telah bersalah melalui ejennya atas kesalahan menjamu atau pengaruh tidak wajar atau atas apa-apa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang yang lain berhubungan dengan pilihan raya itu, dan Hakim Pilihan Raya itu selanjutnya melaporkan, selepas memberi

Peguam Negara, atau dalam hal sesuatu pilihan raya bagi Dewan Undangan di Sabah dan Sarawak, Peguam Besar Negeri, peluang untuk didengar, bahawa calon itu telah membuktikan kepada Mahkamah—

- (a) bahawa tiada perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan dalam pilihan raya itu oleh calon itu atau oleh ejen pilihan rayanya dan kesalahan yang disebut dalam laporan tersebut telah dilakukan berlawanan dengan perintah dan tanpa persetujuan atau pembiaran calon itu atau ejen pilihan rayanya;
- (b) bahawa calon itu dan ejen pilihan rayanya telah mengambil segala langkah yang munasabah bagi mencegah berlakunya perbuatan rasuah dan perbuatan yang menyalahi undang-undang dalam pilihan raya itu;
- (c) bahawa kesalahan yang disebut dalam laporan tersebut daripada jenis yang remeh, tidak penting dan terhad; dan
- (d) bahawa dalam segala perkara lain pilihan raya itu bebas daripada apa-apa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang pada pihak calon itu dan ejennya,

pemilihan calon itu tidak terbatal oleh sebab kesalahan yang disebut dalam laporan itu dan juga calon itu tidak tertakluk kepada apa-apa ketidakupayaan di bawah Akta ini.

Kuasa bagi mengecualikan perbuatan tidak salah daripada menjadi perbuatan yang menyalahi undang-undang, dsb.

29. Jika, atas permohonan yang dibuat, dibuktikan kepada seorang Hakim Pilihan Raya atau kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi dengan apa-apa keterangan yang difikirkan memadai oleh Hakim itu—

- (a) bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan seseorang calon dalam mana-mana pilihan raya, atau ejen pilihan rayanya atau mana-mana ejen atau orang lain, akan, oleh sebab pembayaran sejumlah wang atau pelakuan belanja yang

melebihi amaun maksimum yang dibenarkan oleh Akta ini, atau oleh sebab pembayaran, pengambilan bertugas, pengambilan kerja, atau kontrak yang berlanggaran dengan Akta ini, atau oleh sebab selainnya yang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Akta ini, menjadi, jika tidak kerana seksyen ini, suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang; dan

- (b) bahawa mana-mana perbuatan atau peninggalan itu telah terbit daripada ketidaksengajaan atau daripada salah kiraan yang tidak sengaja atau daripada sesuatu sebab lain yang munasabah yang seumpamanya, dan, dalam apa-apa hal, tidak terbit daripada apa-apa ketiadaan suci hati,

dan dalam hal keadaan yang pada pendapat Hakim itu, selepas memberi calon-calon, pegawai pengurus, dan mana-mana pemilih di dalam bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya itu peluang untuk didengar, adalah adil calon yang berkenaan dan pilihan raya tersebut dan ejen dan orang lain, atau mana-mana daripada mereka, tidak dijadikan tertakluk kepada mana-mana akibat di bawah Akta ini bagi perbuatan atau peninggalan tersebut, Hakim itu boleh membuat suatu perintah yang membenarkan perbuatan atau peninggalan itu sebagai suatu kecualian daripada peruntukan Akta ini yang akan, jika tidak, menjadikannya suatu perbuatan, pembayaran, pengambilan kerja atau penyewaan yang menyalahi undang-undang, dan dengan itu calon, ejen atau orang itu tidak tertakluk kepada mana-mana akibat di bawah Akta ini bagi perbuatan atau peninggalan tersebut.

Maaf yang dibenarkan kerana tidak mematuhi peruntukan tentang penyata dan akuan berkenaan dengan belanja pilihan raya

30. (1) Jika penyata dan pernyataan berkenaan dengan belanja pilihan raya seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya tidak dihantar sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini, atau jika dihantar tetapi mengandungi sesuatu kesilapan atau pernyataan palsu, maka —

- (a) jika calon itu memohon kepada seorang Hakim Pilihan Raya atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan menunjukkan bahawa kegagalan untuk menghantar

penyata dan akuan itu, atau mana-mana daripadanya, atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kesilapan atau pernyataan palsu di dalamnya, telah terbit oleh sebab dia sakit, atau oleh sebab ejen pilihan rayanya atau mana-mana kerani atau pegawai ejen itu tiada, mati, sakit, cuai atau membuat salah laku, atau oleh sebab ketidaksengajaan atau apa-apa sebab munasabah yang seumpamanya, dan tidak oleh sebab ketiadaan suci hati pada pihak pemohon itu; atau

- (b) jika ejen pilihan raya calon itu memohon kepada seorang Hakim Pilihan Raya atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan menunjukkan bahawa kegagalan untuk menghantar penyata dan pernyataan yang dikehendaki supaya dihantar olehnya itu, atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kesilapan atau pernyataan palsu di dalamnya, telah terbit oleh sebab dia sakit atau oleh sebab seseorang ejen pilihan raya yang dahulu bagi calon itu mati, sakit, cuai atau membuat salah laku, atau oleh sebab mana-mana kerani atau pegawai ejen pilihan raya bagi calon itu tiada, mati, sakit atau membuat salah laku, atau oleh sebab ketidaksengajaan atau apa-apa sebab munasabah yang seumpamanya, dan tidak oleh sebab ketiadaan suci hati pada pihak pemohon itu,

Hakim itu boleh, selepas notis mengenai permohonan itu, dan selepas dikemukakan apa-apa keterangan mengenai alasan yang dinyatakan dalam permohonan itu dan mengenai ketulusan permohonan itu, dan selainnya, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim itu, dan selepas memberi calon lain, Pengarah Pilihan Raya Negeri dan mana-mana pemilih di dalam bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya itu peluang untuk didengar, membuat apa-apa perintah bagi memberi maaf yang dibenarkan kerana kegagalan menghantar penyata dan pernyataan itu, atau sebab sesuatu kesilapan atau pernyataan palsu dalam penyata dan pernyataan itu, sebagaimana yang difikirkan adil oleh Hakim itu.

(2) Jika pada hemat Hakim itu mana-mana orang, yang merupakan seorang ejen pilihan raya atau seorang yang telah menjadi ejen pilihan raya, telah enggan atau tidak membuat apa-apa penyata atau memberikan apa-apa butir yang membolehkan calon itu dan ejen pilihan rayanya masing-masing mematuhi peruntukan Akta ini tentang penyata dan pernyataan berkenaan dengan belanja pilihan raya, Hakim itu sebelum membuat suatu

perintah yang memberi maaf sebagaimana yang disebut dalam seksyen ini hendaklah memerintahkan supaya orang itu hadir di hadapan Hakim itu, dan hendaklah, melainkan jika dia hadir dan menunjukkan sebab sebaliknya, memerintangkannya supaya membuat penyata dan pernyataan itu, atau supaya menyerahkan suatu pernyataan mengenai butir-butir yang dikehendaki supaya dinyatakan dalam penyata itu, sebagaimana yang difikirkan adil oleh Hakim itu, dan supaya membuat atau menyerahkannya dalam masa atau kepada mana-mana orang dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim itu, atau Hakim itu boleh memerintahkan supaya dia diperiksa berkenaan dengan butir-butir itu, dan sekiranya mana-mana perintah itu tidak dipatuhi, orang itu bersalah atas suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(3) Perintah itu boleh menjadikan pemberian maaf itu tertakluk kepada pembuatan penyata dan pernyataan dalam bentuk yang diubahsuaikan atau dalam masa yang dilanjutkan, dan atas pematuhan apa-apa syarat lain yang pada pendapat Hakim itu dikira paling baik untuk melaksanakan tujuan Akta ini, dan suatu perintah yang memberi maaf yang dibenarkan hendaklah melepaskan pemohon bagi perintah itu daripada apa-apa liabiliti atau akibat di bawah Akta ini berkenaan dengan perkara yang dimaafkan oleh perintah itu; dan jika calon itu membuktikan kepada Hakim itu bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan ejen pilihan raya itu berhubung dengan penyata dan pernyataan berkenaan dengan belanja pilihan raya telah berlaku tanpa persetujuan atau pembiaran calon itu, dan bahawa calon itu telah mengambil segala langkah yang munasabah bagi mencegah perbuatan atau peninggalan itu, Hakim itu hendaklah melepaskan calon itu daripada akibat perbuatan atau peninggalan pada pihak ejen pilihan rayanya.

(4) Tarikh perintah itu, atau, jika syarat dan terma dikehendaki supaya dipatuhi, tarikh pemohon itu mematuhi syarat dan terma itu dengan sepenuhnya, disebut dalam Akta ini sebagai tarikh pemberian maaf itu.

Tempoh pembuatan permohonan untuk mendapatkan maaf

30A. Sesuatu permohonan untuk mendapatkan maaf yang dibenarkan di bawah seksyen 30 hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh tiga puluh satu hari yang dinyatakan dalam seksyen 23 dan suatu salinan permohonan itu hendaklah disampaikan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri.

BAHAGIAN VI

ALASAN BAGI MEMBATALKAN
PEMILIHAN

Pembatalan oleh sebab sabitan calon

31. (1) Pemilihan seseorang calon dalam mana-mana pilihan raya terbatal oleh sebab sabitannya atas apa-apa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang dalam pilihan raya itu.

(2) Dalam masa empat belas hari dari tarikh seseorang calon disabitkan oleh Mahkamah Sesyen atas apa-apa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang dalam sesuatu pilihan raya, Hakim Mahkamah Sesyen itu atau Pendaftar Mahkamah Sesyen itu hendaklah membuat perakuan mengenai keputusan Mahkamah itu—

- (a) kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam hal pemilihan seseorang sebagai ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan, pihak berkuasa tempatan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan atau dalam hal apa-apa pemilihan lain yang Suruhanjaya Pilihan Raya mungkin diberi kuasa untuk menjalankannya; atau
- (b) dalam hal apa-apa pemilihan lain, kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Pembatalan pemilihan atas petisyen pilihan raya

32. Pemilihan seseorang calon dalam mana-mana pilihan raya hendaklah diisytiharkan sebagai batal atas suatu petisyen pilihan raya atas mana-mana daripada alasan yang berikut sahaja yang boleh dibuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya:

- (a) bahawa penyogokan, penjamuan atau intimidasi secara am telah berlaku sebegitu berleluasa sehingga ia boleh dijangkakan dengan semunasabahnya telah menyentuh keputusan pilihan raya itu;
- (b) ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penjalanan mana-mana pilihan raya jika didapati bahawa pilihan raya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis dan bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu;

- (c) bahawa sesuatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan berkaitan dengan pilihan raya itu oleh calon itu atau dengan pengetahuan atau persetujuannya, atau oleh mana-mana ejen calon itu;
- (d) bahawa calon itu sendiri telah mengambil bertugas seseorang sebagai ejen pilihan rayanya, atau sebagai seorang perayu undi atau ejen, dengan mengetahui bahawa orang itu telah dalam tempoh tujuh tahun sebelum dia diambil bertugas itu telah disabitkan atau didapati bersalah atas suatu perbuatan rasuah oleh Mahkamah Sesyen, atau melalui laporan seorang Hakim Pilihan Raya; atau
- (e) bahawa calon itu, pada masa pemilihannya, ialah seorang yang telah hilang kelayakannya untuk dipilih.

BAHAGIAN VII

PETISYEN PILIHAN RAYA

Pelantikan dan kuasa Hakim Pilihan Raya

33. (1) Tiap-tiap petisyen pilihan raya hendaklah dibicarakan oleh Hakim Besar atau oleh seorang Hakim mana-mana Mahkamah Tinggi yang dinamakan oleh Hakim Besar bagi maksud itu:

Dengan syarat bahawa Hakim Besar tidak boleh menamakan seorang Hakim sesuatu Mahkamah Tinggi yang baginya dia bukan Hakim Besarnya tanpa berunding dengan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu.

(2) Saksi hendaklah disepina dan mengangkat sumpah mengikut cara yang hampir-hampir serupa, sebagaimana hal keadaan membenarkan, seperti dalam perbicaraan oleh Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa sivil asalnya dan hendaklah tertakluk kepada penalti yang sama bagi pemberian keterangan palsu.

(3) Dalam perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya di bawah Akta ini, Hakim Pilihan Raya boleh, dengan perintah yang ditandatangani sendiri, memaksa kehadiran mana-mana orang sebagai saksi yang pada hematnya ada kena-mengena dalam pilihan raya yang dimaksudkan oleh petisyen itu, dan mana-mana orang

yang enggan mematuhi perintah itu bersalah kerana menghina mahkamah. Hakim Pilihan Raya itu boleh memeriksa mana-mana saksi yang dipaksa sedemikian supaya hadir atau mana-mana orang dalam Mahkamah, walaupun saksi itu tidak dipanggil dan diperiksa oleh mana-mana pihak kepada petisyen itu. Selepas pemeriksaan seseorang saksi sebagaimana yang disebut terdahulu oleh Hakim Pilihan Raya, saksi itu boleh diperiksa balas oleh atau bagi pihak pempetisyen dan responden, atau salah seorang daripada mereka.

(4) Melainkan jika selainnya diperintahkan oleh Hakim Besar, segala perkara interlokutori berkaitan dengan sesuatu petisyen pilihan raya boleh diuruskan dan diputuskan oleh mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi dan keputusannya muktamad.

Siapakah yang boleh mengemukakan petisyen

34. Sesuatu petisyen pilihan raya boleh dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi oleh mana-mana seorang atau lebih daripada orang yang berikut:

- (a) seseorang yang telah mengundi atau yang telah ada hak untuk mengundi dalam pilihan raya yang dimaksudkan oleh petisyen itu;
- (b) seseorang yang menuntut sebagai telah ada hak untuk dilapor pilih atau dipilih dalam pilihan raya itu; atau
- (c) seseorang yang mengatakan bahawa dia telah menjadi seorang calon dalam pilihan raya itu.

Relief yang boleh dituntut

35. Semua atau mana-mana daripada relief yang berikut yang pempetisyen mungkin berhak kepadanya boleh dituntut dalam sesuatu petisyen pilihan raya:

- (a) suatu perisytiharan bahawa pilihan raya itu tidak sah;
- (b) suatu perisytiharan bahawa orang itu telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya telah tidak dilapor pilih;
- (c) (*Dipotong oleh Akta A1177*);

- (d) jika kerusi itu dituntut untuk seseorang calon yang tidak berjaya atas alasan bahawa dia telah mendapat majoriti undi yang sah di sisi undang-undang, suatu tafahus.

Masa untuk menyelesaikan perbicaraan petisyen pilihan raya

35A. Perbicaraan tiap-tiap petisyen pilihan raya hendaklah diselesaikan tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh petisyen pilihan raya itu dikemukakan.

Keputusan Hakim Pilihan Raya

36. (1) Pada akhir perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya, Hakim Pilihan Raya hendaklah —

- (a) memutuskan sama ada calon yang pengaduan telah dibuat terhadap lapor pilihan atau pemilihannya itu telah dilaporkan pilih atau dipilih dengan sewajarnya atau sama ada pemilihan itu terbatal; dan
- (b) mengumumkan keputusan itu di mahkamah terbuka.

(2) Hakim Pilihan Raya itu hendaklah dalam masa empat belas hari selepas membuat keputusannya di bawah subseksyen (1) membuat perakuan mengenai keputusannya itu —

- (a) kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam hal pemilihan seseorang sebagai ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan, pihak berkuasa tempatan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan atau dalam hal apa-apa pemilihan lain yang Suruhanjaya Pilihan Raya mungkin diberi kuasa untuk menjalankannya; atau
- (b) dalam hal apa-apa pemilihan lain, kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Rayuan

36A. (1) Pempetisyen atau seseorang calon yang pengaduan telah dibuat terhadap lapor pilihan atau pemilihannya boleh merayu terhadap keputusan Hakim Pilihan Raya kepada Mahkamah Persekutuan.

(2) Tiap-tiap rayuan di bawah seksyen ini hendaklah dikemukakan dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan Hakim Pilihan Raya di bawah seksyen 36 dan rayuan itu hendaklah dikemukakan mengikut kaedah-kaedah mahkamah yang terpakai bagi rayuan kepada Mahkamah Persekutuan.

(3) Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan Mahkamah Persekutuan membuat perakuan mengenai keputusan itu—

- (a) kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam hal pemilihan seseorang sebagai ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan, pihak berkuasa tempatan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan atau dalam hal apa-apa pemilihan lain yang Suruhanjaya Pilihan Raya mungkin diberi kuasa untuk menjalankannya; atau
- (b) dalam hal apa-apa pemilihan lain, kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Masa untuk menyelesaikan pendengaran rayuan

36B. Walau apa pun mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, sesuatu rayuan terhadap keputusan seorang Hakim Pilihan Raya hendaklah didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam masa enam bulan dari tarikh rayuan itu dikemukakan.

Kesan keputusan Hakim Pilihan Raya atau Mahkamah Persekutuan

36c. Pada akhir tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen 36A(2), jika tiada rayuan kepada Mahkamah Persekutuan, atau apabila perakuan diberikan di bawah subseksyen 36A(3), jika terdapat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan, keputusan Hakim Pilihan Raya atau keputusan Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, muktamad, dan lapor pilihan atau pemilihan itu hendaklah disahkan atau pilihan raya itu hendaklah terbatal dan dalam hal sedemikian dalam masa tiga puluh hari dari berakhirnya tempoh itu atau dari tarikh perakuan itu diberikan, Suruhanjaya Pilihan Raya atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberikan notis pilihan raya di dalam bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya yang berkenaan mengikut perakuan yang diberikan di bawah subseksyen 36A(2) atau (3).

Laporan Hakim atau Pendaftar tentang perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang

37. (1) Pada akhir perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya atau pendengaran sesuatu rayuan terhadap keputusan seseorang Hakim Pilihan Raya, Hakim Pilihan Raya itu atau Pendaftar Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah juga melaporkan secara bertulis—

- (a) kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, mengenai pemilihan seseorang sebagai ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan, majlis perbandaran ibu kota persekutuan atau mengenai apa-apa pemilihan lain yang Suruhanjaya Pilihan Raya mungkin diberi kuasa menjalankannya; atau
- (b) dalam hal apa-apa pemilihan lain, kepada Pihak Berkuasa Negeri—
 - (i) sama ada apa-apa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dibuktikan atau telah tidak dibuktikan sebagai telah dilakukan oleh atau dengan pengetahuan dan persetujuan seseorang calon dalam pilihan raya itu, atau oleh ejennya, dan juga jenis perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang itu, jika ada; dan
 - (ii) nama dan perihalan semua orang, jika ada, yang telah dibuktikan dalam perbicaraan itu sebagai telah bersalah atas apa-apa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(2) Sebelum mana-mana orang, yang bukan suatu pihak dalam sesuatu petisyen pilihan raya dan juga bukan seorang calon yang bagi pihaknya kerusi itu dituntut melalui suatu petisyen pilihan raya, dilaporkan oleh seorang Hakim Pilihan Raya atau Pendaftar Mahkamah Persekutuan di bawah seksyen ini, Hakim Pilihan Raya atau Pendaftar Mahkamah Persekutuan itu hendaklah memberi orang itu hak untuk diwakili oleh peguam dan peluang untuk didengar dan untuk memberikan dan meminta keterangan bagi menunjukkan mengapa dia tidak patut dilaporkan sedemikian.

(3) Apabila seorang Hakim Pilihan Raya atau Pendaftar Mahkamah Persekutuan melaporkan bahawa suatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan

oleh mana-mana orang, orang itu hendaklah tertakluk kepada ketidakupayaan yang sama seolah-olah pada tarikh laporan itu dia telah disabitkan atas perbuatan itu dan seseorang hendaklah tertakluk kepada ketidakupayaan yang sama sekiranya dia ialah seorang calon dalam pilihan raya itu dan Hakim Pilihan Raya atau Pendaftar Mahkamah Persekutuan itu melaporkan bahawa perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang itu telah dilakukan dengan pengetahuan atau persetujuannya atau oleh ejennya.

(4) Suruhanjaya Pilihan Raya atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan suatu salinan laporan itu disiarkan dalam *Warta*, dan menjadi kewajipan tiap-tiap pegawai pendaftaran untuk membaca laporan itu dengan segera dan memotong dengan segera daripada daftar atau senarai pemilih yang diuntukkan kepadanya nama tiap-tiap orang yang didapati daripada laporan itu sebagai tidak boleh mengundi dalam sesuatu pilihan raya.

Masa untuk pengemukakan

38. (1) Tiap-tiap petisyen pilihan raya hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh keputusan pilihan raya itu disiarkan dalam *Warta*:

Dengan syarat bahawa—

- (a) sesuatu petisyen pilihan raya yang mempersoalkan laporan pilihan atau pemilihan atas alasan sesuatu perbuatan rasuah dan dengan khususnya mengatakan bahawa pembayaran wang atau perbuatan lain telah dibuat atau dilakukan semenjak tarikh yang disebut terdahulu oleh orang yang pemilihannya itu dipersoalkan atau oleh seseorang ejen orang itu atau dengan pengetahuan orang itu atau ejen pilihan rayanya pada menurut atau pada melaksanakan perbuatan rasuah itu boleh, setakat yang berkenaan dengan perbuatan rasuah itu, dikemukakan pada bila-bila masa dalam tempoh dua puluh lapan hari selepas tarikh pembayaran atau perbuatan itu;
- (b) sesuatu petisyen pilihan raya yang mempersoalkan laporan pilihan atau pemilihan atas suatu pengataan mengenai

suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang boleh, setakat yang berkenaan dengan perbuatan yang menyalahi undang-undang itu, dikemukakan dalam masa yang berikut:

- (i) pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh empat belas hari sebaik selepas tarikh penyiaran dalam *Warta* notis yang dikehendaki oleh seksyen 24 tentang belanja pilihan raya bagi orang yang pemilihannya itu dipersoalkan;
- (ii) jika petisyen pilihan raya itu mengatakan secara khusus bahawa pembayaran wang atau perbuatan lain telah dibuat atau dilakukan semenjak tarikh tersebut oleh orang yang pemilihannya dipersoalkan atau oleh seseorang ejen orang itu atau dengan pengetahuan orang itu atau ejen pilihan rayanya pada menurut atau pada melaksanakan perbuatan yang menyalahi undang-undang yang dikatakan dalam petisyen pilihan raya itu, petisyen itu boleh dikemukakan pada bila-bila masa dalam tempoh dua puluh lapan hari sebaik selepas tarikh pembayaran atau perbuatan lain itu.

(2) Sesuatu petisyen pilihan raya yang dikemukakan dalam masa yang sepatutnya boleh, bagi maksud mempersoalkan laporan pilihan atau pemilihan itu atas suatu pengataan mengenai suatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang, dipinda dengan kebenaran seorang Hakim Mahkamah Tinggi dalam masa yang sesuatu petisyen pilihan raya yang mempersoalkan laporan pilihan atau pemilihan atas alasan itu boleh dikemukakan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, jika ada maaf yang dibenarkan kerana gagal membuat dan menghantar penyata dan pernyataan berkenaan dengan belanja pilihan raya, tarikh pemberian maaf itu atau, jika ada kegagalan tentang dua butir atau lebih dan maaf itu telah diberikan pada masa yang berlainan, tarikh pemberian maaf yang terakhir itu hendaklah menggantikan tarikh penyiaran notis yang disebut dalam proviso kepada perenggan (1)(b).

Larangan mengenai pendedahan undi

39. Tiada pemilih yang telah mengundi dalam mana-mana pilihan raya boleh, dalam mana-mana prosiding yang mempersoalkan pilihan raya itu, dikehendaki menyatakan siapa yang telah diundinya.

Undi hendaklah dipotong dalam suatu tafahus

40. (1) Atas sesuatu tafahus dalam perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya, hanya undi yang berikut boleh dipotong:

- (a) undi mana-mana orang yang namanya tidak ada dalam daftar atau dalam senarai pemilih yang diuntukkan bagi tempat mengundi di mana undi itu telah direkodkan atau yang telah tidak dibenarkan mengundi di tempat itu;
- (b) undi mana-mana orang yang undinya telah diperoleh melalui penyogokan, penjamuan atau pengaruh tidak wajar;
- (c) undi mana-mana orang yang telah melakukan atau menyebabkan pelakuan penyamaran dalam pilihan raya itu;
- (d) jika pilihan raya itu ialah suatu pilihan raya biasa, undi mana-mana orang yang telah dibuktikan sebagai telah mengundi dalam pilihan raya biasa itu dalam lebih daripada satu bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya;
- (e) undi mana-mana orang yang tidak boleh mengundi dalam pilihan raya itu oleh sebab suatu sabitan atas perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang atau oleh sebab laporan seorang Hakim Pilihan Raya atau Pendaftar Mahkamah Persekutuan atau oleh sebab sabitannya atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 3; dan
- (f) undi yang diberikan untuk seseorang calon yang hilang kelayakan oleh seseorang pengundi yang mengetahui bahawa calon itu telah hilang kelayakan atau fakta yang menyebabkan hilang kelayakan itu, atau selepas notis awam yang memadaikan mengenai hilang kelayakan itu, atau apabila hilang kelayakan itu atau fakta yang menyebabkannya nyata diketahui ramai.

(2) Undi seseorang pemilih berdaftar tidak boleh, kecuali dalam hal yang dinyatakan dalam perenggan (1)(e), dipotong dalam sesuatu tafahus semata-mata oleh sebab pengundi itu telah tidak atau tidak layak mendapatkan namanya dimasukkan dalam daftar atau senarai pemilih.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1177*).

Penolakan kertas undi oleh pegawai pengurus atau ketua tempat mengundi muktamad

41. Mengenai sesuatu petisyen pilihan raya, keputusan seseorang pegawai pengurus atau ketua tempat mengundi, sama ada atau tidak sesuatu kertas undi hendak ditolak, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya itu, tidak boleh dipersoalkan.

Tatacara dan amalan mengenai petisyen pilihan raya

42. (1) Tatacara dan amalan mengenai petisyen pilihan raya hendaklah dikawal selia oleh Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua.

(2) Apabila apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954, *Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] hendaklah terpakai.

*CATATAN—Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/1980*] telah dimansuhkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] m.b.p. 1 Ogos 2012—lihat Aturan 94 kaedah 1 *P.U. (A) 205/2012*.

JADUAL PERTAMA

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

BORANG A

[Subseksyen 5(1)]

BORANG SUMPAH KERAHSIAAN

Saya,No.
Kad Pengenalan.....beralamat.....
bersumpah bahawa saya tidak akan melakukan dalam pilihan raya bagi bahagian
pilihan raya/kawasan pilihan raya
apa-apa perkara yang ditegah oleh seksyen 5* Akta Kesalahan Pilihan Raya
1954 [*Akta 5*], yang telah dibacakan kepada saya.

Bertarikh 20

.....
*Tandatangan orang yang
mengangkat sumpah*

Di hadapan saya

.....
Tandatangan

*Pengerusi atau Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya
Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya
Pengarah Pilihan Raya Negeri
Pegawai Yang Hak*

*Seksyen ini mestilah dibacakan kepada pembuat akuan oleh orang yang mengambil akuan itu.

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

BORANG B

[Subseksyen 23(1)]

PENYATA BERKENAAN DENGAN BELANJA PILIHAN RAYA

Bahagian pilihan raya	}	
Kawasan pilihan raya		

Nama calon.....

Nama ejen pilihan raya.....

Tarikh keputusan pilihan raya disiarkan dalam *Warta*

.....

RESIT. Catatan 1. Berikan butir-butir mengenai apa-apa wang, jaminan, atau balasan bernilai yang diterima atau dijanjikan berkenaan dengan belanja yang dilakukan kerana atau berkaitan atau bersampingan dengan pilihan raya itu. Butir-butir mengenai wang atau jaminan yang diberikan oleh calon mestilah dimasukkan.

Nama penderma	Perihalhan (Persatuan, Kelab, Pertubuhan atau Orang Perseorangan)	Jenis derma (Sumbangan, Pinjaman, Deposit, dsb.)	Amaun RM s.	
		JUMLAH		

BELANJA PILIHAN RAYA. Catatan 2. Semua pembayaran hendaklah diakui dengan suatu bil yang menyatakan butir-butirnya, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 16 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].

BELANJA PILIHAN RAYA YANG DILAKUKAN			
Perihalannya	Butir-butir seperti dalam Senarai No.	Amaun RM s.	
Pembayaran kepada ejen, kerani dan pengutus			
Belanja perjalanan bagi yang tersebut di atas			
Belanja perjalanan bagi orang lain			
Pencetakan			
Pengiklanan			
Alat tulis			
Bayaran pos, bayaran telegram dan telefon			
Sewa bilik bagi perjumpaan awam atau sebagai bilik jawatankuasa			
Lesen			
Perbelanjaan pelbagai			
Belanja oleh orang yang dibenarkan			
Tuntutan yang dipertikaikan			
Tuntutan yang belum dibayar			
	JUMLAH		

AKUAN

Untuk diisi oleh calon atau ejen pilihan rayanya.

Saya, sebagai *calon/ejen pilihan raya, membuat penyata yang tersebut di atas mengenai belanja pilihan raya *saya/ belanja pilihan raya bagi calon yang tersebut dalam pilihan raya itu dan memperakui bahawa sepanjang yang saya ketahui dan percayai penyata itu lengkap dan betul.

Tandatangan.....

Tarikh

Untuk diisi oleh calon yang bertindak sebagai ejennya sendiri.

Saya, bertindak sebagai ejen pilihan raya saya sendiri, membuat penyata yang tersebut di atas mengenai belanja pilihan raya saya sendiri dalam pilihan raya itu dan memperakui bahawa sepanjang yang saya ketahui dan percayai penyata itu lengkap dan betul.

Tandatangan.....

Tarikh

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

BORANG C

[Subseksyen 23(2)]

PERNYATAAN ATAS SUMPAH OLEH CALON

Saya, No. Kad
 Pengenalan.....beralamat.....
 sebagai seorang calon untuk pilihan raya di dalam bahagian pilihan raya/
 kawasan pilihan raya dengan sesungguhnya berikrar (atau
 bersumpah) bahawa penyata yang disertakan ini mengenai belanja pilihan raya
 adalah benar sepanjang yang saya ketahui dan percayai dan bahawa, kecuali
 belanja yang dinyatakan dalamnya itu, tiada apa-apa belanja daripada apa jua
 jenis pun telah, sepanjang yang saya ketahui atau percayai, dilakukan dalam,
 atau bagi maksud, pencalonan saya.

Bertarikh 20

.....
Calon

Dengan sesungguhnya berikrar (atau bersumpah) di hadapan saya

.....

Pengerusi atau Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya

Majistret

Jaksa Pendamai

Pesuruhjaya Sumpah

Pengarah Pilihan Raya Negeri

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

BORANG D

[Subseksyen 23(2)]

PERNYATAAN BERSUMPAH OLEH EJEN PILIHAN RAYA

Saya, No. Kad
Pengenalan.....beralamat.....
yang dilantik menjadi ejen pilihan raya bagi.....
seorang calon bagi pilihan raya di dalam bahagian pilihan raya/kawasan
pilihan raya dengan sesungguhnya berikrar (atau
bersumpah) bahawa penyata yang disertakan ini mengenai belanja pilihan raya
adalah benar, sepanjang yang saya ketahui dan percayai, dan bahawa, kecuali
belanja yang dinyatakan dalamnya itu, tiada apa-apa belanja daripada apa jua
jenis pun telah, sepanjang yang saya ketahui atau percayai, dilakukan dalam
atau bagi maksud pencalonan

Bertarikh 20

.....
Ejen Pilihan Raya

Dengan sesungguhnya berikrar (atau bersumpah) di hadapan saya

.....

Pengerusi atau Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya
Majistret
Jaksa Pendamai
Pesuruhjaya Sumpah
Pengarah Pilihan Raya Negeri

BORANG E

(Dipotong oleh Akta A1177)

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 42(1)]

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

KAEDAH-KAEDAH PETISYEN PILIHAN RAYA 1954

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Hakim” ertinya Hakim Pilihan Raya sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

“peguam bela” termasuklah, di Negeri Terengganu, seorang plider;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi dan termasuklah Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Cara mengemukakan petisyen

3. (1) Sesuatu petisyen pilihan raya hendaklah dikemukakan dengan menyerahkannya di pejabat Pendaftar, dan Pendaftar atau pegawai jabatannya yang kepadanya petisyen itu diserahkan hendaklah, jika dikehendaki, memberikan suatu resit dalam bentuk yang berikut:

Diterima pada 20
di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, suatu petisyen mengenai
pemilihan A.B., bagi
yang berupa sebagai ditandatangani oleh (masukkan
nama pempetisyen).

C.D.,
*Pendaftar, atau pegawai lain yang
kepadanya petisyen diserahkan*

(2) Bersama petisyen itu hendaklah juga ditinggalkan dua salinannya.

Kandungan dan bentuk petisyen pilihan raya

4. (1) Sesuatu petisyen pilihan raya hendaklah mengandungi pernyataan yang berikut:

- (a) petisyen itu hendaklah menyatakan hak pempetisyen untuk mempetisyen mengikut seksyen 34 Akta; dan
- (b) petisyen itu hendaklah menyatakan tarikh pilihan raya itu diadakan dan juga keputusannya, dan hendaklah menyatakan dengan ringkas fakta dan alasan yang berasaskannya permintaan itu disokong.

(2) Petisyen itu hendaklah dibahagikan kepada perenggan, tiap-tiap satunya, dengan seberapa hampir yang boleh, hendaklah dikhaskan kepada suatu bahagian yang tertentu bagi perkara itu, dan tiap-tiap perenggan hendaklah dinomborkan secara berturutan, dan tiada kos boleh dibenarkan bagi membuat atau menyalin mana-mana petisyen yang tidak mematuhi kaedah ini pada keseluruhannya, melainkan jika selainnya diperintahkan oleh Mahkamah atau seseorang Hakim.

(3) Petisyen itu hendaklah diakhiri dengan suatu permintaan seperti, misalnya, bahawa seseorang tertentu hendaklah diisytiharkan dilapor pilih atau dipilih dengan sewajarnya, atau bahawa pilihan raya itu hendaklah diisytiharkan terbatal, dan petisyen itu hendaklah ditandatangani oleh semua pempetisyen.

(4) Bentuk yang berikut, atau bentuk yang mempunyai maksud seumpamanya, memadai:

DALAM MAHKAMAH TINGGI

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

Pilihan raya bagi (*nyatakan bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya*) yang diadakan pada
..... 20

Petisyen A., beralamat (atau
petisyen A., beralamat dan
petisyen B., beralamat, mengikut
mana-mana yang berkenaan) yang tandatangan mereka terdapat di bawah ini.

(1) Pempetisyen kamu, iaitu A., ialah seorang yang telah mengundi (atau yang ada hak untuk mengundi, mengikut mana-mana yang berkenaan) dalam pilihan raya yang tersebut di atas (atau mendakwa sebagai ada hak untuk dilapor pilih dalam pilihan raya yang tersebut di atas atau ialah seorang calon dalam pilihan raya yang tersebut di atas), dan pempetisyen kamu, iaitu B. (*di sini nyatakan dengan cara yang serupa hak setiap pempetisyen*);

(2) Dan pempetisyen kamu menyatakan bahawa pilihan raya itu telah diadakan pada 20 manakala A.B., C.D., dan E.F. ialah calon, dan Pegawai Pengurus telah melapor pilih A.B. sebagai dipilih dengan sewajarnya.

(3) Dan pempetisyen kamu menyatakan bahawa (*di sini dinyatakan fakta dan alasan yang padat dan ringkas yang padanya pempetisyen bergantung*).

Oleh yang demikian pempetisyen kamu memohon supaya diputuskan bahawa A.B. yang tersebut itu telah tidak dipilih atau dilapor pilih dengan sewajarnya, dan bahawa pilihan raya itu terbatal (atau bahawa E.F. yang tersebut telah dipilih dengan sewajarnya dan dia sepatutnya telah dilapor pilih).

(Ditandatangani) A
B

Keterangan tidak perlu dinyatakan dalam petisyen tetapi butir-butir boleh diperintahkan supaya diberikan

5. Keterangan tidak perlu dinyatakan dalam petisyen itu, tetapi Hakim boleh, atas permohonan secara bertulis oleh seorang responden, memerintahkan supaya diberikan apa-apa butir yang perlu bagi mengelakkan keadaan yang mengejutkan dan belanja yang tidak perlu, dan bagi memastikan perbicaraan yang adil dan berkesan atas apa-apa terma tentang kos dan selainnya sebagaimana yang diperintahkan.

Jika lebih daripada satu petisyen berhubung dengan pemilihan yang sama dikemukakan

6. Jika lebih daripada satu petisyen dikemukakan yang berhubungan dengan pemilihan atau lapor pilihan yang sama, semua petisyen itu hendaklah diuruskan sebagai satu petisyen setakat yang penyiasatan mengenainya berkenaan.

Senarai undi yang dibantah jika kerusi dituntut oleh calon yang tidak berjaya

7. Apabila seseorang pempetisyen menuntut kerusi itu untuk seseorang calon yang tidak berjaya, dengan mengatakan bahawa calon itu telah mendapat undi yang terbanyak dan yang sah di sisi undang-undang, pihak yang mengadu mengenai pemilihan atau lapor pilihan itu atau yang membela pemilihan atau lapor pilihan itu hendaklah, enam hari sebelum hari yang ditetapkan bagi perbicaraan, menyerahkan kepada Pendaftar, dan juga di alamat, jika ada, yang diberikan oleh pempetisyen-pempetisyen dan responden, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu senarai undi yang dicadang hendak dibantah itu, dan juga suatu senarai tajuk bantahan terhadap setiap undi itu, dan Pendaftar hendaklah membenarkan semua pihak yang berkenaan memeriksa salinan pejabat senarai-senarai itu; dan tiada keterangan boleh diberikan menentang kesahan mana-mana undi dan juga mengenai apa-apa tajuk bantahan yang tidak dinyatakan dalam senarai itu, kecuali dengan kebenaran Hakim, atas apa-apa terma tentang pindaan bagi senarai itu, penundaan penyiasatan, dan pembayaran kos, sebagaimana yang diperintahkan.

Senarai bantahan dalam hal tuduh-menuduh

8. Responden dalam suatu petisyen yang mengadu mengenai sesuatu laporan pilihan yang tidak wajar dan yang menuntut kerusi untuk seseorang boleh membawa keterangan bagi membuktikan bahawa pemilihan orang itu tidak wajar, dan dalam hal yang demikian, responden itu hendaklah, enam hari sebelum hari yang ditetapkan bagi perbicaraan, menyerahkan kepada Pendaftar, dan juga di alamat, jika ada, yang diberikan oleh pempetisyen, suatu senarai bantahan terhadap pemilihan itu yang padanya dia bercadang hendak bergantung, dan Pendaftar hendaklah membenarkan semua pihak yang berkenaan memeriksa salinan pejabat senarai-senarai itu; dan tiada keterangan boleh diberikan oleh seseorang responden mengenai apa-apa bantahan terhadap pemilihan itu yang tidak dinyatakan dalam senarai itu, kecuali dengan kebenaran Hakim, atas apa-apa terma tentang pindaan bagi senarai itu, penundaan penyiasatan, dan pembayaran kos, sebagaimana yang diperintahkan.

Pelantikan peguam bela oleh pempetisyen

9. Bersama dengan petisyen, pempetisyen atau pempetisyen-pempetisyen hendaklah meninggalkan di pejabat Pendaftar suatu tulisan, yang ditandatangani olehnya atau oleh mereka, yang memberikan nama seorang peguam bela yang dibenarkan olehnya atau oleh mereka untuk bertindak sebagai peguam belanya atau peguam bela mereka, atau yang menyatakan bahawa dia bertindak bagi dirinya sendiri atau mereka bertindak bagi diri mereka, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan, dalam mana-mana satu hal itu, memberikan suatu alamat di Malaysia di mana notis boleh ditinggalkan. Tiap-tiap tulisan itu hendaklah dicapkan dengan duli yang kena dibayar ke atasnya di bawah undang-undang yang pada masa ini berkuat kuasa.

10. *(Dipotong oleh Akta A1177).*

11. *(Dipotong oleh Akta A1177).*

Jaminan oleh pempetisyen bagi kos, dsb., petisyen pilihan raya

12. (1) Pada masa petisyen dikemukakan, jaminan bagi pembayaran semua kos, caj dan belanja yang kena dibayar oleh pempetisyen hendaklah diberikan bagi pihak pempetisyen.

(2) Jaminan yang dikehendaki oleh kaedah ini hendaklah diberikan dengan suatu deposit wang yang tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit, dan Hakim, dalam masa perbicaraan, boleh menghendaki pempetisyen supaya menandatangani suatu jumlah wang tambahan sebagai jaminan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim.

(3) Jika jaminan yang diperuntukkan dalam kaedah ini tidak diberikan oleh pempetisyen, tiada petisyen boleh didaftarkan di Mahkamah itu.

Jaminan dengan deposit wang

13. (1) Pendepositan wang sebagai jaminan bagi pembayaran kos, caj, dan belanja yang kena dibayar oleh pempetisyen hendaklah dibuat dengan membayarnya kepada Pendaftar dan wang itu hendaklah diletakhakkan pada Hakim Besar dan dikeluarkan dari semasa ke semasa olehnya bagi maksud yang kerananya jaminan dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini. Suatu resit hendaklah diberikan oleh Pendaftar bagi wang deposit itu.

(2) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu buku yang terbuka untuk diperiksa oleh semua pihak yang berkenaan, yang dalamnya hendaklah dicatatkan dari semasa ke semasa amaun deposit itu, nombor dan tarikh resit baginya, dan petisyen yang dimaksudkan olehnya.

Mengembalikan wang yang didepositkan sedemikian

14. (1) Wang yang didepositkan sedemikian hendaklah, jika dan bila wang itu tidak lagi dikehendaki untuk menjamin pembayaran kos, caj dan belanja, dikembalikan ataupun dilupuskan selainnya sebagaimana keadilan menghendaki dengan perintah Hakim.

(2) Perintah itu boleh dibuat selepas notis mengenai cadangan hendak memohon dan bukti bahawa semua tuntutan telah dijelaskan ataupun telah diperuntukkan dengan cukup selainnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Hakim.

(3) Perintah itu boleh mengarahkan supaya pembayaran dibuat sama ada kepada pihak yang dalam namanya wang itu didepositkan atau kepada mana-mana orang yang berhak menerimanya.

Notis petisyen dan salinan petisyen hendaklah disampaikan kepada responden

15. (1) Notis mengenai pengemukakan sesuatu petisyen, yang disertai dengan suatu salinan petisyen itu, hendaklah, dalam tempoh lima belas hari selepas petisyen itu dikemukakan, disampaikan oleh pempetisyen—

- (a) kepada responden sendiri yang hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan notis dan suatu salinan petisyen itu kepada responden;
- (b) dengan menghantar notis dan suatu salinan petisyen itu melalui pos berdaftar bayar dahulu yang dialamatkan ke tempat kediaman atau urusan responden yang lazim atau yang akhir diketahui; atau
- (c) dengan menampalkan suatu notis pada papan notis di Mahkamah Tinggi di Negeri di mana bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya itu terletak dan dengan menyiarkan suatu notis dalam akhbar bahasa kebangsaan dan dalam mana-mana akhbar lain yang diedarkan di dalam bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya di mana pilihan raya itu telah diadakan, yang menyatakan bahawa petisyen sedemikian telah dikemukakan dan bahawa suatu salinan notis mengenai pengemukakan petisyen itu dan suatu salinan petisyen itu boleh didapati oleh responden dengan percuma atas permohonan di pejabat Pendaftar.

(2) Jika responden yang kepadanya telah dialamatkan suatu pos berdaftar bayar dahulu yang disebut dalam subkaedah (1)—

(a) diberitahu bahawa terdapat suatu surat berdaftar yang sedang menunggu untuk dipungut olehnya di pejabat pos tetapi dia enggan atau abai untuk mengambil surat berdaftar itu; atau

(b) enggan menerima penyerahan surat itu apabila diberikan kepadanya,

notis dan suatu salinan petisyen itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh yang dia diberitahu bahawa surat itu sedang menunggunya atau apabila surat itu diberikan kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Bagi maksud subkaedah (2), suatu pernyataan oleh pegawai yang menjaga pejabat pos yang menyatakan bahawa sepanjang yang diketahui dan dipercayainya—

(a) suatu pemberitahuan pejabat pos yang memberitahu penerima bahawa terdapat suatu surat berdaftar yang menunggunya telah diserahkan ke alamat yang terdapat pada surat berdaftar bayar dahulu; atau

(b) surat berdaftar itu telah diserahkan kepada penerima,

hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, menjadi keterangan bahawa penerima telah diberitahu sedemikian atau bahawa surat berdaftar itu telah diberikan kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Suatu affidavit penyampaian dokumen yang disebut dalam subkaedah (1) yang menyatakan oleh siapakah dokumen itu disampaikan, hari dalam minggu dan tarikh dokumen itu disampaikan, di mana dokumen itu disampaikan dan bagaimana dokumen itu disampaikan mestilah difailkan di Mahkamah di mana petisyen itu dikemukakan.

Bila petisyen disifatkan sebagai dipersoalkan

16. Apabila tamat tempoh yang dihadkan bagi membuat petisyen, petisyen itu hendaklah disifatkan sebagai dipersoalkan.

Senarai petisyen

17. Pendaftar hendaklah membuat senarai petisyen pilihan raya. Dalamnya dia hendaklah memasukkan nama peguam bela bagi pempetisyen yang dilantik di bawah kaedah 9 dan peguam bela bagi responden, dan juga alamat yang kepadanya notis boleh dihantar, jika ada. Senarai itu boleh diperiksa di pejabat Pendaftar pada bila-bila masa dalam waktu pejabat, dan hendaklah ditampalkan bagi maksud itu pada suatu papan notis yang diuntukkan bagi prosiding di bawah Kaedah-Kaedah ini, dan bertajuk “Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954”.

Masa dan tempat perbicaraan petisyen pilihan raya

18. Masa dan tempat perbicaraan setiap petisyen pilihan raya hendaklah ditetapkan oleh Hakim dan tidak kurang daripada empat belas hari notis bertulis mengenainya hendaklah diberikan kepada pempetisyen dan responden.

Penundaan perbicaraan

19. Hakim boleh, dari semasa ke semasa, dengan perintah yang dibuat atas permohonan sesuatu pihak kepada petisyen itu, menunda permulaan perbicaraan itu kepada suatu hari yang ditetapkan olehnya.

Penangguhan dan penerusan perbicaraan

20. Penangguhan rasmi oleh Mahkamah bagi perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya tidak perlu, tetapi perbicaraan itu hendaklah disifatkan ditangguhkan, dan boleh diteruskan dari sehari ke sehari sehingga penyiasatan itu tamat; dan sekiranya Hakim yang memulakan perbicaraan itu tidak berupaya oleh sebab sakit atau selainnya, perbicaraan itu hendaklah disambung dan ditamatkan oleh seorang Hakim lain.

Menarik balik petisyen pilihan raya

21. (1) Sesuatu petisyen pilihan raya tidak boleh ditarik balik tanpa kebenaran Hakim. Kebenaran itu boleh diberikan atas apa-apa terma tentang pembayaran kos dan selainnya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim.

(2) Sebelum kebenaran untuk menarik balik sesuatu petisyen pilihan raya diberikan, afidavit hendaklah dikemukakan, sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah ini, oleh semua pihak kepada petisyen itu dan peguam bela mereka, dan oleh ejen pilihan raya bagi semua pihak yang tersebut iaitu pihak yang telah menjadi calon dalam pilihan raya itu:

Dengan syarat bahawa seseorang Hakim Mahkamah Tinggi boleh, atas sebab yang diberikan, tidak memerlukan afidavit mana-mana orang tertentu jika didapatinya adil atas alasan yang khas untuk berbuat demikian.

(3) Setiap afidavit hendaklah menyatakan bahawa, sepanjang yang diketahui atau dipercayai oleh deponen itu, tiada perjanjian atau terma daripada apa-apa jua jenis pun telah dibuat, dan tiada aku janji telah dibuat berhubung dengan penarikan balik petisyen itu; tetapi jika mana-mana perjanjian yang sah di sisi undang-undang telah dibuat berkenaan dengan penarikan balik petisyen itu, afidavit itu hendaklah mengemukakan perjanjian itu, dan hendaklah menjadikan pernyataan yang disebut terdahulu tertakluk kepada apa yang terdapat dalam afidavit itu.

(4) Afidavit pemohon dan peguam belanya hendaklah menyatakan selanjutnya alasan yang berasaskannya petisyen itu hendak ditarik balik.

Bentuk permohonan untuk menarik balik petisyen

22. (1) Sesuatu permohonan bagi kebenaran untuk menarik balik sesuatu petisyen hendaklah dibuat secara bertulis dengan ditandatangani oleh pempetisyen atau peguam belanya atau mereka. Permohonan itu hendaklah menyatakan alasan yang berasaskannya permohonan itu disokong.

(2) Bentuk yang berikut memadai:

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

Bahagian Pilihan Raya/Kawasan Pilihan Raya
petisyen (*nyatakan nama pempetisyen*)
yang dikemukakan pada
20

Pempetisyen memohon untuk menarik balik petisyennya atas alasan yang berikut (*di sini nyatakan alasan*) dan meminta supaya suatu hari ditetapkan bagi mendengar permohonannya.

Bertarikh pada 20

(Ditandatangani).....

(3) Permohonan bagi kebenaran untuk menarik balik petisyen hendaklah ditinggalkan di pejabat Pendaftar.

Salinan permohonan hendaklah diberikan kepada responden

23. Suatu salinan permohonan itu hendaklah diberikan oleh pempetisyen kepada responden, dan notis dalam perbahasaannya yang berikut yang ditandatangani oleh pempetisyen hendaklah disiarkan dengan segera dalam *Warta* oleh pempetisyen atas perbelanjaannya sendiri:

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

Dalam petisyen pilihan raya bagi yang
dalamnya ialah pempetisyen dan
..... ialah responden.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa pempetisyen yang tersebut di atas telah pada 20.....
menyerahkan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi suatu permohonan bagi kebenaran untuk menarik balik petisyen dan yang berikut ialah salinan permohonan itu:

(Turunkan permohonan di sini.)

Dan ambil perhatian bahawa di bawah Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954, mana-mana orang yang mungkin telah menjadi seorang pempetisyen mengenai pilihan raya tersebut boleh, dalam tempoh lima hari selepas tarikh notis ini disiarkan, memberikan notis secara bertulis kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi mengenai tujuannya supaya digantikan sebagai pempetisyen apabila permohonan itu didengar.

(Ditandatangani).....

Permohonan supaya digantikan sebagai pempetisyen apabila petisyen ditarik balik

24. Seseorang yang mungkin telah menjadi seorang pempetisyen mengenai pilihan raya yang dimaksudkan oleh petisyen itu boleh, dalam tempoh lima hari selepas notis itu disiarkan oleh pempetisyen, memberikan notis secara bertulis yang ditandatangani olehnya atau bagi pihaknya, kepada Pendaftar, mengenai cadangannya hendak memohon semasa petisyen itu didengar untuk menggantikan pempetisyen itu, tetapi ketiadaan notis itu tidak pula mengecewakan permohonan itu jika sebenarnya dibuat semasa petisyen itu didengar.

Masa dan tempat mendengar permohonan

25. Masa dan tempat mendengar permohonan itu hendaklah ditetapkan oleh Hakim tetapi hendaklah tidak kurang daripada satu minggu selepas permohonan bagi kebenaran untuk menarik balik ditinggalkan di pejabat Pendaftar seperti yang diperuntukkan terdahulu daripada ini, dan notis mengenai masa dan tempat yang ditetapkan untuk mendengar permohonan itu hendaklah diberikan kepada orang, jika ada, yang telah memberikan notis kepada Pendaftar mengenai cadangan hendak memohon supaya digantikan sebagai pempetisyen, dan selainnya dengan apa-apa cara dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim.

Menggantikan pempetisyen lain

26. (1) Apabila didengar permohonan untuk penarikan balik, mana-mana orang yang mungkin telah menjadi seorang pempetisyen mengenai pilihan raya yang dimaksudkan oleh petisyen itu, boleh memohon kepada Hakim untuk digantikan sebagai pempetisyen bagi pempetisyen yang ingin hendak menarik balik petisyen itu.

(2) Hakim boleh, jika difikirkannya patut, menggantikan sebagai seorang pempetisyen mana-mana pemohon yang disebut terdahulu; dan boleh selanjutnya, jika penarikan balik yang dicadangkan itu, pada pendapat Hakim, didorong oleh apa-apa tolak ansur atau balasan rasuah, dengan perintah mengarahkan supaya jaminan yang diberikan bagi pihak pempetisyen asal itu terus menjadi jaminan bagi apa-apa kos yang mungkin dilakukan oleh pempetisyen gantian itu, dan setakat jumlah wang yang disebut dalam jaminan itu pempetisyen asal bertanggungjawab membayar kos pempetisyen gantian itu.

(3) Jika tiada perintah dibuat berkenaan dengan jaminan yang diberikan bagi pihak pempetisyen asal, jaminan sebanyak amaun yang sama yang akan dikehendaki bagi suatu petisyen baharu, dan tertakluk kepada syarat yang sama, hendaklah diberikan bagi pihak pempetisyen gantian itu sebelum dia meneruskan petisyennya, dan dalam tempoh tiga hari selepas perintah penggantian itu.

(4) Tertakluk seperti yang disebut terdahulu, seseorang pempetisyen gantian hendaklah mempunyai kedudukan yang sama, dengan seberapa hampir yang boleh, dan tertakluk kepada liabiliti yang sama seperti pempetisyen asal.

(5) Jika sesuatu petisyen ditarik balik, pempetisyen itu bertanggungjawab membayar kos responden.

(6) Jika pempetisyen lebih daripada seorang, tiada permohonan boleh dibuat untuk menarik balik sesuatu petisyen kecuali dengan persetujuan semua pempetisyen itu.

Petisyen tamat dengan kematian

27. (1) Tertakluk kepada kaedah 28, sesuatu petisyen pilihan raya tamat dengan kematian pempetisyen tunggal atau dengan kematian pempetisyen yang masih hidup selepas kematian pempetisyen-pempetisyen yang lain.

(2) Penamatan sesuatu petisyen tidak menyentuh liabiliti pempetisyen atau mana-mana orang lain terhadap pembayaran kos yang telah dilakukan dahulunya.

Permohonan supaya digantikan sebagai pempetisyen apabila petisyen tamat

28. (1) Notis penamatan sesuatu petisyen, dengan kematian pempetisyen atau pempetisyen yang masih hidup selepas kematian pempetisyen-pempetisyen lain, hendaklah diberikan oleh pihak atau orang yang mempunyai kepentingan dengan cara yang sama seperti notis mengenai permohonan untuk menarik balik sesuatu petisyen.

(2) Mana-mana orang yang mungkin menjadi seorang pempetisyen berkenaan dengan sesuatu pilihan raya yang dimaksudkan oleh petisyen itu boleh memohon kepada Hakim untuk menjadi pempetisyen sebagai ganti dan permohonan itu hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan kalendar dari hari notis penamatan itu difailkan atau apa-apa tempoh lain yang dibenarkan oleh Hakim selepas menimbangkan apa-apa hal keadaan yang khas.

(3) Hakim boleh, jika difikirkannya patut, sebagai ganti menjadikan sebagai pempetisyen mana-mana pemohon yang ingin menjadi ganti dan yang bagi pihaknya jaminan diberikan sebanyak amaun yang sama dengan yang dikehendaki dalam hal sesuatu petisyen baharu.

(4) Mana-mana orang yang menjadi ganti sebagai seorang pempetisyen di bawah kaedah ini hendaklah mempunyai kedudukan yang sama, dengan seberapa hampir yang boleh, dan hendaklah tertakluk kepada liabiliti yang sama seperti pempetisyen asal.

Petisyen hendaklah berterusan setelah responden mati, meletakkan jawatan atau selepas notis tidak membangkang diberikan

29. (1) Jika sebelum perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya, seseorang responden mati atau meletakkan jawatan, atau memberikan notis secara bertulis kepada Pendaftar yang dia tidak bercadang hendak membangkang petisyen itu, petisyen itu tidak boleh ditamatkan tetapi hendaklah berterusan sama ada atau tidak mana-mana orang memohon supaya diterima menjadi seorang responden sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(2) Notis mengenai fakta bahawa seseorang responden telah mati, atau telah meletakkan jawatan, atau bahawa dia telah memberikan notis secara bertulis yang dia tidak bercadang hendak membangkang petisyen itu, hendaklah ditampalkan pada papan notis Mahkamah yang diuntukkan bagi prosiding di bawah Kaedah-Kaedah ini yang disebut dalam kaedah 17 oleh Pendaftar.

(3) Mana-mana orang yang mungkin telah menjadi seorang pempetisyen mengenai pilihan raya yang dimaksudkan oleh petisyen itu boleh memohon kepada Hakim supaya diterima sebagai seorang responden untuk membangkang petisyen itu dalam tempoh sepuluh hari selepas notis itu ditampalkan pada papan notis Mahkamah yang diuntukkan bagi prosiding di bawah Kaedah-Kaedah ini yang disebut dalam kaedah 17 atau dalam tempoh yang lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Hakim.

(4) Cara dan masa bagi responden memberikan notis kepada Pendaftar yang dia tidak bercadang hendak membangkang petisyen itu ialah dengan meninggalkan notis mengenainya itu secara bertulis di pejabat Pendaftar, ditandatangani oleh responden tidak kurang daripada enam hari sebelum hari yang ditetapkan bagi perbicaraan, tidak termasuk hari bagi meninggalkan notis itu.

Responden yang tidak membangkang petisyen tidak boleh hadir sebagai pihak

30. Seseorang responden yang telah memberikan notis mengenai cadangannya tidak hendak membangkang sesuatu petisyen tidak boleh dibenarkan hadir atau bertindak sebagai suatu pihak yang menentang petisyen itu dalam apa-apa prosiding mengenainya.

Notis membatalkan perbicaraan jika petisyen ditamatkan, dsb.

31. Selepas menerima permohonan pempetisyen bagi kebenaran untuk menarik balik atau notis mengenai cadangan responden tidak hendak membangkang petisyen itu, atau notis mengenai tamatnya petisyen itu kerana kematian, atau notis mengenai berlakunya mana-mana peristiwa yang disebut dalam kaedah 29, jika notis itu telah diterima selepas notis mengenai perbicaraan diberikan, dan sebelum perbicaraan itu dimulakan, Pendaftar hendaklah segera membatalkan notis mengenai perbicaraan itu. Pembatalan itu hendaklah diberikan dengan cara yang sama, dengan seberapa hampir yang boleh, seperti notis mengenai perbicaraan.

Kos

32. Segala kos bagi mengemukakan sesuatu petisyen dan kos yang bersampingan dengannya dan dengan prosiding yang berikutan dengan petisyen itu hendaklah dibayar oleh pihak-pihak kepada petisyen itu mengikut apa-apa cara dan mengikut apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan oleh Hakim, dengan memberikan perhatian kepada apa-apa kos yang tidak dibenarkan yang, pada pendapat Hakim, telah disebabkan oleh kelakuan yang menyakitkan hati, pengatahan yang tidak berasas, atau bantahan yang tidak berasas, sama ada pada pihak pempetisyen atau pada pihak responden dan juga kepada penolakan apa-apa belanja yang tidak perlu dengan meletakkan beban bagi membayarnya ke atas pihak yang telah menyebabkannya, sama ada pihak itu berjaya sepenuhnya atau tidak berjaya sepenuhnya.

Menetapkan dan mendapatkan kos

33. (1) Kos hendaklah ditetapkan oleh Pendaftar atas perintah yang menurutnya kos itu kena dibayar mengikut cara yang sama seperti kos yang ditetapkan dalam Mahkamah Tinggi, tetapi tertakluk kepada apa-apa arahan nyata, sama ada am atau tertentu, yang diberikan oleh Hakim; dan kos boleh didapatkan mengikut cara yang sama seperti kos bagi sesuatu tindakan di sisi undang-undang.

(2) Hakim boleh mengarahkan supaya kesemua atau apa-apa bahagian daripada apa-apa wang yang didepositkan sebagai jaminan di bawah kaedah 12 dan 13 digunakan bagi membayar kos yang ditetapkan.

(3) Fi pejabat yang kena dibayar bagi pemeriksaan, salinan pejabat dan prosiding lain di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Hakim Besar.

Notis pelantikan peguam bela

34. Seseorang peguam bela hendaklah, sebaik selepas dia dilantik sedemikian, meninggalkan notis bertulis mengenai pelantikannya itu di pejabat Pendaftar.

Penyampaian notis kepada peguam bela

35. Penyampaian notis dan prosiding kepada peguam bela itu mencukupi bagi segala maksud di bawah Kaedah-Kaedah ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 5

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 10/1955	Ordinan Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1955	20-04-1955
Ord. 10/1959	Ordinan Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1959	01-04-1959
Akta 19/1961	Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1961	Melaka: 25-05-1961 Terengganu: 29-05-1961 Johor, Selangor: 01-01-1962 Kedah, Pahang: 01-02-1962 Negeri Sembilan, Perlis, Perak: 01-03-1962 Kelantan: 01-04-1962
Akta 33/1961	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1961	21-09-1961
Akta 6/1964	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1964	30-01-1964
Akta 7/1964	Akta Mahkamah Kehakiman 1964	16-09-1963
P.U. 56/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) 1966	01-08-1965

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 144/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) 1966	01-08-1965
P.U. 497/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sarawak) 1966	01-11-1966
P.U. 498/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) (Pindaan) 1966	01-08-1965
P.U. 348/1967	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) (Pindaan) 1967	01-08-1965
P.U. 349/1967	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sarawak) (Pindaan) 1967	01-11-1966
P.U. 55/1968	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sarawak) (Pindaan) 1968	01-11-1966
P.U. 104/1968	Kaedah-Kaedah bagi Kaedah-Kaedah Mahkamah (Petisyen Pilihan Raya) (Pindaan) 1968	15-03-1968
Akta A5	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1969	27-02-1969
P.U. (A) 282/1970	Ordinan No. 45 (Kuasa-Kuasa Perlu Darurat 1970	11-08-1970
Akta 59	Akta Bandaraya Kuala Lumpur 1971	01-02-1972
Akta A245	Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1974	15-03-1974
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Peluasan) 1980	01-06-1981
P.U. (B) 57/1982	Pemberitahuan di bawah Ordinan Nama Jawatan 1949	03-12-1981
Akta A640	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1986	02-05-1986
Akta A769	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1990	15-06-1990
Akta 464	Akta Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991	01-08-1992
Akta A885	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994	24-06-1994
Akta A890	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 1994	08-07-1994
Akta A996	Akta Tafsiran (Pindaan) 1997	24-07-1997
Akta A1177	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002	16-01-2003
Akta A1204	Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003	15-12-2003
P.U. (B) 127/2005	Pemberitahuan di bawah Akta Nama Jawatan 1949	16-02-2005

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 5

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk panjang	Akta A1204	15-12-2003
2	Ord. 10/1959 Akta 19/1961	01-04-1959 Melaka: 25-05-1961 Terengganu: 29-05-1961 Johor, Selangor: 01-01-1962 Kedah, Pahang: 01-02-1962 Negeri Sembilan, Perlis, Perak: 01-03-1962 Kelantan: 01-04-1962
	Akta 33/1961	21-09-1961
	Akta 7/1964	16-09-1963
	Akta 59	01-02-1972
	Akta A640	02-05-1986
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1177	16-01-2003
	Akta A1204	15-12-2003
3	Ord. 10/1955 Ord. 10/1959 P.U. (A) 282/1970 Akta 160 Akta A1177	20-04-1955 01-04-1959 11-08-1970 29-08-1975 16-01-2003
4	Akta 160 Akta A1177	29-08-1975 16-01-2003

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
4A	Akta A1177	16-01-2003
5	Ord. 10/1955 Ord. 10/1959 Akta A5 Akta 160 Akta A1177	20-04-1955 01-04-1959 27-02-1969 29-08-1975 16-01-2003
6	Akta A1177	16-01-2003
7	Ord. 10/1955	20-04-1955
9	Akta 6/1964 Akta A1177	30-01-1964 16-01-2003
10	Akta A1177	16-01-2003
11	Ord. 10/1955 Akta A5 Akta 160 Akta A1177	20-04-1955 27-02-1969 29-08-1975 16-01-2003
12	Akta A640 Akta A1177	02-05-1986 16-01-2003
13	Ord. 10/1959 Akta A5 Akta A640 Akta A996	01-04-1959 27-02-1969 02-05-1986 24-07-1997
14	Ord. 10/1955 Akta A890 Akta A1177	20-04-1955 08-07-1994 16-01-2003
15A	Ord. 10/1959 Akta A1177	01-04-1959 16-01-2003
16	Akta 160	29-08-1975
18	Akta A5	27-02-1969
19	Ord. 10/1959 Akta 33/1961 Akta A5 Akta 160 Akta A640 Akta A1177	01-04-1959 21-09-1961 27-02-1969 29-08-1975 02-05-1986 16-01-2003

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
22A	Ord. 10/1959	01-04-1959
23	Ord. 10/1955	20-04-1955
	Ord. 10/1959	01-04-1959
	Akta 7/1964	16-09-1963
	Akta A5	27-02-1969
	Akta 160	29-08-1975
	P.U. (B) 57/1982	03-12-1981
	Akta A640	02-05-1986
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1177	16-01-2003
	P.U. (B) 127/2005	16-02-2005
24	Akta 160	29-08-1975
	P.U. (B) 57/1982	03-12-1981
	Akta A640	02-05-1986
	Akta A1177	16-01-2003
	P.U. (B) 127/2005	16-02-2005
24A	Akta A1177	16-01-2003
24B	Akta A1177	16-01-2003
	Akta A1204	15-12-2003
	P.U. (B) 127/2005	16-02-2005
25	Ord. 10/1959	01-04-1959
	Akta A5	27-02-1969
	Akta 160	29-08-1975
	Akta 464	01-08-1992
	Akta A1177	16-01-2003
26	Ord. 10/1955	20-04-1955
	Ord. 10/1959	01-04-1959
	Akta 160	29-08-1975
	Akta A640	02-05-1986
	Akta A1177	16-01-2003
	Akta A1204	15-12-2003
26A	Ord. 10/1959	01-04-1959
	Akta 6/1964	30-01-1964
	Akta A5	27-02-1969
	Akta A640	02-05-1986
	Akta A1177	16-01-2003
26B	Akta A640	02-05-1986
	Akta A1177	16-01-2003

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
27	Akta 160 Akta A1177	29-08-1975 16-01-2003
27A—27H	Akta A1204	15-12-2003
27G	P.U. (B) 127/2005	16-02-2005
30	P.U. (B) 57/1982 Akta A640 P.U. (B) 127/2005	03-12-1981 02-05-1986 16-02-2005
30A	Akta A1204 P.U. (B) 127/2005	15-12-2003 16-02-2005
31	Akta A1177	16-01-2003
32	Akta A1177	16-01-2003
33	Akta 7/1964 Akta A640 Akta A885	16-09-1963 02-05-1986 24-06-1994
35	Akta A1177	16-01-2003
35A	Akta A1177	16-01-2003
36	Ord. 10/1959 Akta A1177	01-04-1959 16-01-2003
36A-36C	Akta A1177	16-01-2003
37	Ord. 10/1959 Akta 7/1964 Akta 59 Akta A885 Akta A996 Akta A1177	01-04-1959 16-09-1963 01-02-1972 24-06-1994 24-07-1997 16-01-2003
40	Akta 7/1964 Akta A885 Akta A1177	16-09-1963 24-06-1994 16-01-2003
41	Akta A769	15-06-1990
42	Akta A1177	16-01-2003

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Pertama	Ord. 10/1959	01-04-1959
	Akta 6/1964	30-01-1964
	Akta A5	27-02-1969
	Akta A245	15-03-1974
	Akta 160	29-08-1975
	P.U. (A) 357/1980	01-06-1981
	P.U. (B) 57/1982	03-12-1981
	Akta A640	02-05-1986
	Akta A1177	16-01-2003
	P.U. (B) 127/2005	16-02-2005
Jadual Kedua	Akta 7/1964	16-09-1963
	P.U. 104/1968	15-03-1968
	Akta 160	29-08-1975
	P.U. (A) 357/1980	01-06-1981
	Akta A640	02-05-1986
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1177	16-01-2003
